# BuleTin UniSZA

ISSN 2180-0235 | OGOS 2021 | BIL .34




# PPV UniSZA Laksana Fasa Ketiga Pelan Vaksinasi Negara

## PENGURUSAN TERTINGGI

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan
Naib Canselor

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Fadzli Adam
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

En. Ismail Musa
Pendaftar

Pn. Shakimah Endut
Bendahari

Dr. Mohd Badrol Awang
Penasihat Undang-undang

Pn. Norulhuda Makhtar
Ketua Pustakawan
(Menjalankan Fungsi)

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman
Pengarah Kampus Besut

En. Mazlan Mohammad
Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan
Pengurusan Perhubungan

## SIDANG EDITOR

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh
Penerbit UniSZA

Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA

En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee
Pusat Antarabangsa

Cik Nazilah Mohamad
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Dr. Siti Hajar Abdul Rauf
Fakulti Sains Sosial Gunaan

Dr. Mohd Nasir Mat Nor
Fakulti Perubatan

En. Muhammad Hafizi Rozali
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

En. Kaswadi Yusoff
Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin
Penerbit UniSZA

Pn. Norizan Mohammad
Penerbit UniSZA



## PENYUMBANG BAHAN

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
2. Pejabat Pengarah Kampus Besut
3. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
4. Fakulti Farmasi
5. Pusat Pengajian Teras
6. Pusat Antarabangsa
7. Penerbit UniSZA
8. Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan UniSZA
9. Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan
10. Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar
11. Pusat Kesenian dan Warisan (PKW)
12. Pusat Alumni
13. Kelab Citra Puisi (Kerisz) UniSZA
14. Prof. Dr. Wan Abd Aziz Wan Mohd Amin, Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG)
15. Prof. Madya Dr. Muhamad Fazil Ahmad, Pusat Kesenian dan Warisan (PKW)
16. Prof. Madya Ts. Dr. Roslan Umar, Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI)
17. Dr. Safiya Amaran, Fakulti Perubatan
18. Dr. Hamdy Abdullah, Pejabat Bendahari
19. En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee, Pusat Antarabangsa
20. En. Muhammad Hafizi Rozali, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI)



Hak Cipta Terpelihara © 2021. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.



Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2021
Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu, MALAYSIA.
Tel: 09-668 8771/8772, Faks: 09-668 7867
Laman Web: http://www.penerbit.unisza.edu.my



# KANDUNGAN


Utama 4

Malim Sarjana 7

Bengkel/Seminar/Kursus/Mesyuarat 10

Tokoh 18

Rencana 22

Pencapaian 26

UniSZA Bersama Komuniti Setempat 32

UniSZA dan Hubungan Antarabangsa 45

Terbitan UniSZA 50

# UniSZA Terpilih
## Sebagai PPV Institusi Penyelidikan Tinggi



Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah terpilih untuk berperanan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di daerah Kuala Nerus, Terengganu. Ia diwujudkan bagi menyahut saranan Menteri Pengajian Tinggi serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi supaya institusi pengajian tinggi sama ada awam atau swasta dapat membantu pihak kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memerangi pandemik COVID-19. Penubuhan PPV UniSZA ini menyediakan lebih banyak ruang dan peluang kepada penduduk sekitar untuk mendapatkan suntikan vaksin dengan lebih mudah dan komprehensif.

PPV UniSZA ini telah memulakan operasinya pada 13 Jun yang lalu. Meskipun pada peringkat awal PPV UniSZA mensasarkan pemberian vaksin sebanyak 1,000 dos sehari, tetapi pada bulan Ogos baru-baru ini ia telah berjaya melaksanakan fasa ketiga Pelan Vaksinasi Negara dengan peningkatan jumlah pemberian vaksin sebanyak 3,000 dos sehari. Inisiatif ini amat penting bagi memaksimumkan suntikan vaksin kepada rakyat Malaysia supaya imuniti kelompok dapat dicapai.

Pengoperasian PPV UniSZA dijalankan dalam dua bentuk iaitu secara statik dan secara bergerak. PPV Statik UniSZA diadakan di Dewan Al-Muktafi Billah Shah dan Dewan Perdana di Kampus Gong Badak. Bagi menjayakan operasi ini, seramai lebih 80 orang pensyarah dan pakar perubatan, farmasi serta 60 pensyarah kejururawatan dan jururawat bertugas sebagai sukarelawan perubatan. Mereka turut dibantu oleh lebih 350 orang kakitangan sebagai sukarelawan bukan perubatan. Pelajar-pelajar juga turut dilibatkan sebagai sukarelawan. Ini selari dengan matlamat UniSZA untuk menjadi sebuah universiti yang cakna dan prihatin dengan keperluan masyarakat setempat.

Kemudahan yang diberikan ini sedikit sebanyak meringankan kesulitan penduduk sekitar untuk mendapatkan suntikan vaksin. Setakat Ogos tahun ini, ramai penerima dos pertama dan kedua telah hadir ke PPV UniSZA untuk mendapatkan suntikan. Proses suntikan kebanyakannya berjalan lancar seperti yang dirancang tanpa melibatkan insiden membahayakan.  Malah proses pendaftaran dan konsultasi juga dilaksanakan dengan teliti dan berhati-hati.

UniSZA turut berhasrat mengadakan program *outreach* yang menyasarkan kepada penduduk kampung di beberapa kawasan pedalaman di Terengganu. Pasukan ini akan mengadakan *pop-up centre* dan menjalankan sekurang-kurangnya dua program seminggu dengan sasaran seramai 300 peserta bagi setiap program. Program ini dijangka akan dijalankan selama enam bulan dan dijangkakan lebih 15,000 suntikan vaksin dapat diberikan kepada penduduk pedalaman.

Sehingga hari ini, pasukan bergerak UniSZA yang diketuai oleh Dekan Fakulti Perubatan, Prof. Dr. Harmy telah menjalinkan kerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Terengganu dan pelbagai agensi berkaitan mengadakan Program Jejak Vaksin UniSZA "Jom Vaksin Awok Kiter". Program yang dijalankan di Sekolah Kebangsaan Kesom dan Sekolah Kebangsaan Belara ini masing-masing melibatkan seramai 600 dan 500 orang penerima vaksin.



Pelaksanaan PPV UniSZA merupakan usaha sama UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dan Kerajaan Negeri Terengganu. Ia juga disokong oleh NGO dan badan-badan korporat seperti TDM Berhad, Hospital Pakar Kuala Terengganu, Dewan Perniagaan Cina Terengganu, Persatuan Khairunnisa dan sebagainya.

# Pandemik COVID-19 di Malaysia

Safiya Amaran, PhD
Fakulti Perubatan
safiyaamaran@unisza.edu.my

Tahun 2020 menggemparkan dunia dengan kemunculan virus baharu bernama *SARS-CoV-2* yang mencetuskan pandemik *Coronavirus Disease* 2019 (COVID-19). Pandemik ini telah meragut lebih 4.3 juta nyawa di seluruh dunia sehingga Ogos 2021 dan telah merubah seluruh aspek kehidupan manusia pada skala yang tidak pernah kita bayangkan. Malaysia tidak terkecuali dalam mengalami perubahan besar lantaran gelombang yang menggerunkan ini. Sehingga 11 Ogos, 1,320,547 kes telah dilaporkan di Malaysia, manakala bilangan yang maut adalah seramai 11,373 orang.




Rajah 1. Kes Harian COVID-19

Sehingga hari ini Malaysia telah melalui empat gelombang pandemik COVID-19 yang semakin lama semakin besar. Gelombang pertama yang kecil pada bulan Januari 2020 berpunca daripada kemasukan orang dari negara China. Gelombang seterusnya berlaku pada bulan Mac 2020, berpunca daripada Kluster Sri Petaling, iaitu perhimpunan mega ahli tabligh dari luar dan dalam Malaysia. Gelombang ketiga pula terjadi dengan kemunculan varian baharu D614G, serentak dengan berlangsungnya Pilihan Raya Negeri Sabah yang menyaksikan banyak pergerakan dan perhimpunan semasa kempen pilihan raya pada bulan September sehingga memarakkan gelombang ini sehingga awal tahun 2021. Gelombang yang jauh lebih besar berulang kembali pada April 2021 sehingga sekarang. Kali ini ia dikaitkan dengan kemunculan beberapa varian *SARS-CoV-2* yang baharu, lebih agresif dan merbahaya.

Secara saintifiknya, virus bersifat sentiasa bermutasi. Walaupun kebanyakan mutasi ini tidak merbahaya, tetapi sesetengah mutasi mampu menghasilkan varian yang lebih agresif dan merbahaya. Pertubuhan Kesihatan Sedunia membahagikan varian baharu ini kepada dua kategori iaitu *Variant of Concern* dan *Variant of Interest*.

*Variant of Concern* ialah varian *SARS-CoV-2* yang telah terbukti melalui kajian saintifik, boleh menyebabkan penularan yang lebih pantas, gejala dan komplikasi COVID-19 yang lebih teruk, pengurangan keberkesanan vaksin sedia ada dan kesukaran pengesanan melalui ujian makmal. Manakala *Variant of Interest* ialah varian baharu yang ada potensi untuk ciri-ciri di atas cuma belum disahkan melalui kajian saintifik.

*Variant of Concern* yang paling merbahaya setakat ini ialah Varian Delta (B.1.617). Varian Delta dilaporkan boleh merebak 60 peratus lebih cepat dan menyebabkan lebih banyak kematian. Ia pertama kali dikesan di India dan kini dilaporkan telah merebak ke 80 buah negara. Varian ini telah mencetuskan tsunami COVID-19 di India sehingga sistem perkhidmatan kesihatan di negara itu lumpuh. Kini, Varian Delta telah menjadi varian dominan di United Kingdom serta beberapa negara lain seperti Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan Indonesia. Malaysia juga tidak terkecuali. Sehingga 11 Julai 2021, terdapat sebanyak 424 kes varian Delta, 209 kes varian Beta, dan 14 kes varian Alpha telah

dikesan di Malaysia. Terdapat sembilan kes tempatan varian Beta dan tujuh kes tempatan varian Delta juga telah dikesan di Terengganu setakat ini.

Jadual 1. *Variant of Concern* dan Negara yang Mula Dikesan

| **Label (WHO)** | **Variant of Concern** | **Negara ia mulai dikesan** |
|---|---|---|
| Alpha | B.1.1.7 | England |
| Beta | B.1.351 | South Africa |
| Gamma | P.1 | Brazil/Japan |
| Delta | B.1.617.2 | India |

Kawalan dan pencegahan utama pada tahun 2020 ad alah melalui aktiviti kawalan wabak, kawalan pergerakan, kaedah penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka, amalan kebersihan yang tinggi, mengelakkan perhimpunan dan tempat sesak dan pelbagai sop norma baharu. Namun, tahun 2021, siapa sangka kita masih dalam pertarungan dengan pandemik ini, malah lebih sengit dengan ancaman mutasi *SARS-CoV-2*. Bezanya tahun ini kita sudah ada pelbagai jenis vaksin COVID-19 yang dihasilkan oleh pelbagai agensi di seluruh dunia. Kerajaan, melalui Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) mensasarkan agar lebih 80 peratus rakyat menerima vaksin seterusnya menghasilkan imuniti kelompok terhadap penyakit COVID-19 di Malaysia. Usaha ini diharapkan dapat memadamkan api pandemik ini dan membolehkan keadaan kembali pulih.

Sehingga 11 Julai 2021, enam bulan selepas Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dimulakan, 25,366,211 dos vaksin telah diberikan iaitu 49.4 peratus penduduk di Malaysia telah mendapat dos pertama dan 28.3 peratus dos kedua. Manakala di Terengganu pula, 32.8 peratus penduduk telah mendapat dos pertama dan 21.1 peratus lengkap dua dos.

Penerimaan vaksin dalam fasa satu dan permulaan fasa dua agak perlahan iaitu tidak sampai empat peratus penduduk menerima dos pertama. Ramai yang masih teragak-agak akan keselamatan dan keberkesanan vaksin di samping kapasiti Pusat Pemberian Vaksin (PPV) juga terhad. Perubahan besar dapat dilihat bermula pada bulan Jun kerana ada perubahan dalam strategi PICK dan persepsi masyarakat.




Rajah 2. Jumlah Penerima Vaksin COVID-19 sehingga 10 Ogos 2021

PICK yang pada awalnya lebih melibatkan penubuhan PPV di bawah sektor kesihatan awam kini menjadi lebih fleksibel dan melibatkan banyak agensi lain seperti sektor kesihatan swasta, institusi pengajian tinggi, NGO dan agensi-agensi lain. Kini, selain PPV awam, ada PPV Pengamal Perubatan Swasta (PPVGP), PPV Hospital Swasta (PPVHS), PPV Pakar Swasta (PPVKP), PPV Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (PPVACC), PPV Industri (PPVIN), PPV Integrasi dan PPV AstraZeneca (PPVAZ). PPV berskala besar (mega) juga mula dibuka di sekitar Lembah Klang mulai Jun 2021 dan bakal diikuti oleh negeri lain.




Rajah 3. Penglibatan Sektor Swasta dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)

UniSZA juga tidak ketinggalan terpilih menjadi PPV Integrasi sejak bulan Jun 2021 dan sekarang berkeupayaan untuk memberi 3000 dos sehari, menjadi antara PPV berkeupayaan tinggi di Terengganu. PPV UniSZA bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah dan melibatkan usaha sama pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTj) dalam UniSZA. Para staf dan pelajar telah turun padang menjadi petugas dan sukarelawan di PPV UniSZA. Semua usaha ini merupakan satu sumbangan yang bermakna dari UniSZA kepada penduduk setempat dalam usaha memerangi pandemik COVID-19.

Selain itu, terdapat peningkatan yang sangat besar pada bilangan pendaftaran MySejahtera (aplikasi berkaitan COVID-19 dan vaksinasi), sehingga akhir bulan Jun bilangan pendaftaran penduduk Malaysia telah mencecah 67 peratus. Ini adalah gambaran perubahan positif dan penerimaan masyarakat mengenai vaksinasi COVID-19. Penduduk Terengganu juga tidak ketinggalan kerana seramai 77.1 peratus telah mendaftar untuk vaksinasi setakat Ogos 2021.

Kesemua ini memberi impak yang besar kepada kadar vaksinasi di Malaysia, iaitu daripada hanya setakat 75,000 dos sehari pada bulan Mei 2021, pemberian vaksin kini telah mencecah 400,000 – 500,000 dos sehari pada pertengahan Ogos 2021. Perubahan ini dijangka akan memberikan impak besar kepada suasana pandemik di Malaysia dan membantu ke arah pemulihan negara kita. Inilah harapan besar dari semua warga UniSZA dan penduduk di Malaysia amnya.

Sumber:
https://kpkesihatan.com/2021/07/13/kenyataan-akhbar-kpk-13-julai-2021-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/
https://www.vaksincovid.gov.my/statistik-negeri/?TERENGGANU
https://www.vaksincovid.gov.my/statistik/
https://www.worldometers.info/coronavirus/country/malaysia/
https://www.worldometers.info/coronavirus/
https://fortune.com/2021/07/08/alpha-delta-lambda-covid-variant/
https://www.facebook.com/jkjavmy

# MEREKAYASA TANGGUNGJAWAB PENDIDIKAN TINGGI MENONGKAH CABARAN IR 4.0

Wan Hishamudin Wan Jusoh, PhD
whishamudin@unisza.edu.my




Memahat sejarah dan mengukir kegemilangan merupakan amalan yang mampu memasyhurkan sesebuah institusi pengajian tinggi dalam kalangan masyarakat. Malah, ia turut berkemampuan meningkatkan kecekalan dan kedambaan dalam kalangan kakitangan untuk mencapai visi dan misi institusi berkenaan. Untuk itu, UniSZA amat bertuah kerana KDYMM Sultan Mizan Zainal Abidin berkenan mencemar duli berangkat ke Dewan Al-Muktafi Billah Shah untuk menyampaikan titah dalam Majlis Syarahan Diraja yang diadakan pada 7 April sempena Sambutan 40 Tahun UniSZA.

Majlis Pelancaran dan Perasmian Sambutan 40 Tahun UniSZA ini bertujuan memperingati perjuangan universiti ini melahirkan ramai cerdik pandai yang menjadi nadi kepada pembangunan dan kemajuan negara. Semenjak ia ditubuhkan pada tahun 1980, dengan nama Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), kemudian dengan nama UniSZA, banyak cabaran dan rintangan yang terpaksa dihadapi demi melestarikan pendidikan di negeri Terengganu khususnya dan di rantau ini amnya.

Dalam titah syarahan yang disampaikan, baginda amat berkeyakinan bahawa penubuhan KUSZA pada empat dekad lalu membuktikan kecekalan dan budaya berfikir yang positif oleh pemimpin dan individu yang terlibat pada waktu itu. Justeru, usaha yang dimulakan tersebut telah menyaksikan institusi ini terus berkembang sebagai sebuah universiti dan berjaya menawarkan pelbagai program setanding dengan pusat pengajian tinggi yang lain. Bersempena dengan majlis penuh bersejarah ini, baginda menekankan bahawa sejarah perkembangan ilmu dan peradaban manusia telah melalui tempoh masa yang terlalu panjang. Untuk itu, baginda juga memetik peristiwa yang diungkapkan dalam Surah al-Baqarah ayat 32, iaitu berkenaan tunjuk ajar daripada Allah s.w.t. kepada Nabi Adam a.s. sebagai khalifah di muka bumi. Apabila Allah s.w.t. meminta kepada malaikat untuk menyebut nama benda-benda yang telah diajarkan kepada Nabi Adam a.s., mereka memuji dan mengakui kebesaran dan keagungan Allah s.w.t.. Mafhum firman Allah s.w.t.:

> Malaikat berkata, "Maha Suci Engkau Ya Allah. Kami tidak mempunyai pengetahuan selain daripada apa yang Engkau ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui, Lagi Maha Bijaksana'.
>
> (al-Baqarah: 32)

Daripada firman ini, wujud satu titik yang amat penting, yang akan mengembangkan corak pembinaan manusia sama ada dari aspek intelek, emosi dan rohani, iaitu ketundukan kepada Pencipta Yang Maha Agung. Baginda menekankan bahawa nilai inilah yang dinamakan sebagai takwa yang hanya bersebati dalam diri *al-Muttaqin*. Ciri-ciri *al-Muttaqin* ini amat bersebati dan menjadi inti pati kepada perjuangan para nabi dan rasul. Mereka bertungkus-lumus menyampaikan ilmu kepada khalayak pada zaman masing-masing dengan tujuan supaya manusia beriman dan bertakwa kepada-Nya. Walau bagaimanapun, para nabi dan rasul semuanya telah wafat. Oleh yang demikian, wadah perjuangan mereka disambut oleh para intelektual Islam yang berjihad menyuburkan budaya ilmu dalam kalangan warga demi meneruskan tanggungjawab membentuk dan mendidik mereka supaya menjadi insan soleh dan *muslih*. Rentetan daripada itu, satu tamadun hebat dipimpin oleh umat Islam berjaya dibina dan ia turut melebarkan manfaat kepada umat yang lain. Buktinya, kepakaran dan kelimuan umat Islam di Andalus (Sepanyol) telah membuka mata Eropah untuk membebaskan diri mereka daripada belenggu Zaman Kegelapan. Apabila Islam semakin melata dan berkembang di jagatraya, ia telah memberi impak yang amat besar terhadap perekayasaan modal insan. Baginda Tuanku Sultan Mizan menekankan perkara ini bukanlah untuk mengenang sejarah lampau, tetapi ia lebih merupakan satu suntikan semangat kepada semua supaya mengambil iktibar daripada perkara yang berlaku.




Baginda menegaskan bahawa dengan berbekalkan semangat biar putih tulang, jangan putih mata, para intelektual Islam atau golongan ulama telah menunaikan tanggungjawab mereka sebaik mungkin. Kebanjiran budaya ilmu di Nusantara hasil penat lelah mereka telah berjaya mentransformasi cara hidup masyarakat Melayu Nusantara sama ada dari dimensi dalaman iaitu rohani, mahupun luaran iaitu fizikal. Dalam konteks negeri di bawah jajahan takluk baginda, terdapat ramai ulama yang sejak turun-temurun berkongsi ilmu dengan masyarakat. Mereka telah berjaya meninggalkan segala bentuk ilmu yang amat berharga untuk rakyat negeri ini menimba dan memanfaatkannya dengan sebaik mungkin. Pengorbanan para ulama untuk meninggalkan legasi keilmuan mencerminkan mereka berpandangan jauh bahawa sesebuah tamadun akan berjaya ditegakkan apabila bertunjangkan ilmu yang dikuasai. Justeru, institusi pengajian pondok telah diperkenalkan di negeri ini seterusnya dimajukan sehingga tertubuhnya sekolah agama dan sebagainya. Apatah lagi, ia disemangatkan lagi dengan budaya ilmu yang dapat diteladani daripada moyang baginda sendiri, iaitu Sultan Zainal Abidin III yang telah dinobatkan sebagai tokoh yang tidak asing lagi dalam sejarah kerajaan Melayu Terengganu. Keunggulan baginda dizahirkan melalui sifat-sifatnya yang sangat serius dalam keagamaan termasuk kesungguhan melaksanakan hukum syarak, amat mementingkan keadilan dan kesejahteraan rakyat jelata, menyintai ilmu pengetahuan, berkaliber dalam pelbagai bidang ilmu, menerima sistem pentadbiran moden, sangat memberi perhatian terhadap kemajuan ekonomi, prihatin terhadap kemajuan intelektual dan pendidikan serta mempunyai kearifan dan kemahiran yang tinggi dalam menjalankan dasar luar dan hubungan antarabangsa. Malah, baginda turut dikenali sebagai 'Sultan yang Warak'.

Tuanku Sultan Mizan turut mengimbau sejarah moyang baginda yang sering menelaah kitab-kitab agama di samping ilmu yang selainnya seperti kitab-kitab berkaitan ilmu alam, ilmu hisab dan ilmu falak. Oleh yang demikian, ketokohan baginda Sultan Zainal Abidin III tidak terhenti dengan kemangkatannya, namun nama baginda terus kekal diabadikan kepada beberapa institusi pendidikan di Terengganu sehingga kini. Hal ini dimulakan dengan Madrasah Sultan Zainal Abidin yang kemudian dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Ladang. Kemudian, ia disusuli



dengan Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal (SMAAZA) Batu Buruk. Malah, nama baginda turut diharumkan dengan menamakan universiti ini sebagai Universiti Sultan Zainal Abidin.

Sebagai raja yang menaungi negeri Terengganu yang penuh berkat dan hasil alam yang pelbagai, baginda mengharapkan supaya konsep integrasi ilmu yang pernah dikuasai oleh cendekiawan Islam dahulu perlu diperhebatkan. Baginda berkeyakinan bahawa kesepaduan intelektual yang bersifat mengakar sama ada secara horizontal mahupun vertikal mempunyai keampuhan untuk membina tamadun bagi manfaat bersama. Dalam erti kata yang lain, seseorang ilmuwan perlu merapatkan hubungan mereka dengan Allah s.w.t. di samping berperanan secara mencapah yang merangkumi hubungan sesama manusia dan alam.

Oleh yang demikian, baginda mengamati bahawa negeri Terengganu amat bertuah kerana mempunyai pelbagai pusat keilmuan dalam bidang kepakaran masing-masing. Namun, apa yang menjadi keutamaan untuk diletakkan sebagai agenda adalah bagaimana setiap institusi pendidikan ini berperanan melahirkan modal insan kamil dan *mutakamil* yang berdaya saing dari segenap dimensi. Bagi merealitikan perkara ini, semua pihak perlu berganding bahu demi memartabatkan matlamat ini. Dengan tenaga yang berkebolehan dalam pelbagai perkara sudah pasti menjadi aset berharga untuk membangun dan memajukan negeri ini dan negara secara amnya.

Hakikatnya, UniSZA yang mempunyai kekuatan tersendiri kerana berfungsi sebagai universiti komprehensif harus terkehadapan menyahut cabaran ini. Misalnya, kepelbagaian fakulti dalam bidang pengajian Islam; perubatan; ekonomi dan pengurusan; undang-undang; kemasyarakatan; teknologi maklumat; dan pertanian menjadikan universiti ini mempunyai kelebihan yang tersendiri. Bukan sekadar itu, terdapat juga kepakaran UniSZA dalam bidang falak syar'ie yang telah melahirkan ramai ahli dalam bidang tersebut. Kewujudan fasiliti seperti Balai Cerap sejak era KUSZA merupakan satu manifestasi bahawa ilmu ini menjadi sebahagian kepakaran tempatan lantaran masyarakat sekitar sering dikaitkan dengan aktiviti pelayaran. Malah, universiti ini telah menjadi tempat rujukan untuk menentukan tarikh-tarikh penting dalam Islam. Justeru, baginda mengharapkan terdapatnya usaha berterusan untuk merancakkan lagi penyelidikan dalam ilmu berkaitan astronomi ini. Dana-dana daripada pihak berwajib seharusnya disalurkan bagi melancarkan lagi aktiviti dalam bidang ini sekali gus menjadikan Terengganu sebagai pusat rujukan falak sedunia.

Menyedari betapa dunia mutakhir ini sering diancam dengan pelbagai penyakit dan wabak yang berjangkit, baginda amat berbangga kerana UniSZA mempunyai sebuah hospitalnya sendiri. Situasi ini akan memberikan impak berskala tinggi untuk menyediakan kemudahan rawatan dan pencegahan penyakit kepada rakyat negeri ini. Malah, baginda menjangkakan tenaga pengajar pakar dalam bidang perubatan mampu mencipta inovasi baharu bagi membendung penyakit merbahaya yang mengancam nyawa manusia. Dengan penggunaan peralatan dan teknologi tinggi dalam kondisi dunia yang diwarnai Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), nescaya banyak perkara yang mampu ditangani dengan cepat dan efektif. Di samping itu, baginda menaruh harapan tinggi agar universiti ini dikenali dan dihormati sebagai sebuah pusat pendidikan yang menyediakan prasarana dan infrastruktur perubatan patuh syariah dan setanding dengan negara maju.

Selain itu, aspek pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar terutamanya fauna dan flora sewajarnya diberi perhatian oleh rakyat negeri ini. Baginda menyatakan hasrat ini kerana Malaysia merupakan antara 12 negara di dunia yang istimewa lantaran mempunyai pelbagai spesis flora dan fauna. Manakala Terengganu adalah negeri yang mempunyai ribuan spesis fauna dan flora yang perlu dijaga dan dikekalkan. Menyedari hakikat ini, UniSZA perlu mengambil pendekatan proaktif bersumberkan kepakaran yang dimiliki untuk projek penanaman semula tumbuh-tumbuhan dan memeliharanya serta bagaimana untuk meningkatkan jangka hayat haiwan dan serangga yang terdapat di negeri yang bertuah ini. Untuk itu, UniSZA perlu mendepani isu ini dengan memperkenalkan sains perubatan veterinar dan yang berkaitan dengannya. Ia juga amat bertepatan dengan keperluan penternak di negeri ini sekali gus dapat meningkatkan mutu hasil ternakan mereka.

Baginda menyatakan hasrat ini kerana bersesuaian dengan era IR 4.0. Ia merupakan sebuah revolusi digital yang berasaskan *Internet of All Things* yang membabitkan pelbagai sektor dalam kehidupan manusia. Penciptaan pelbagai peranti pintar yang bernadikan *Artificial Intelligence (AI)* telah mengubah landskap dunia dalam teknologi

pembuatan. Baginda melihat bahawa UniSZA telah membuka langkah untuk berada seiring dengan perkembangan kontemporari yang berlaku. Salah satunya ialah projek pendigitalan manuskrip yang merupakan alternatif yang amat baik demi memudahkan penyelidikan dilakukan mengenainya selain penyimpanannya menjadi lebih selamat dan mudah diakses. Usaha ini amat bertepatan dengan keperluan semasa kerana terdapat kira-kira 16,000 manuskrip Melayu dalam tulisan jawi disimpan di perpustakaan dan muzium seluruh dunia seperti London, Leiden, Singapura, Jakarta, Lisbon dan Berlin.



Walaupun banyak kelebihan yang dikecapi pada era digital ini, ia tidak terlepas daripada cabaran yang perlu dihadapi seperti kekurangan tenaga mahir dan ancaman keselamatan siber. Bagi sebuah negara membangun, penyediaan tenaga berkemahiran tinggi dalam bidang teknologi digital perlu dititikberatkan bagi mempercepat dan mempercekap hasil dan pembuatan. Sementara itu, kesesakan rangkaian siber akan membuka ruang yang lebih luas kepada kegiatan pencurian data. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Kaspersky Lab, sebanyak 7,000 *malware* yang mengancam peranti pintar pada tahun 2017 dan ia akan meningkat dari tahun ke tahun. Rentetan daripada itu, keperluan kepada tenaga pakar adalah amat relevan pada alaf yang serba mencabar ini. UniSZA perlu menyahut cabaran ini dengan menghasilkan ramai pelajar yang mampu beraksi dalam konteks semasa.

Menariknya, baginda turut menyentuh berkenaan peluang pada era digital ini dengan mencuri perhatian hadirin untuk melihat potensi bidang pertanian di negeri ini. Dengan tanah pertanian yang berkeluasan melebihi 251,000 hektar bagi tujuan tersebut, atau meliputi 27 peratus daripada luas keseluruhan negeri ini, amat wajar ia diperkasa dengan penggunaan teknologi terkini. Kini telah tiba masanya untuk rakyat negeri ini berganding bahu dan dibantu oleh kepakaran universiti ini untuk menobatkan pertanian yang bertaraf Pertanian Pintar. Jika ia berjaya dilaksanakan sepenuhnya, baginda berkeyakinan bahawa bidang pertanian di Terengganu akan mampu menaikkan taraf hidup penduduknya dan berperanan sebagai salah satu hasil ekonomi negeri. Penggunaan kaedah Pertanian Pintar akan mampu mengurangkan masa bekerja dan menambahkan hasil.

Bagi merealisasikan hasrat di atas, Yayasan DiRaja Sultan Mizan telah menyediakan platform tajaan untuk mereka yang melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah dalam bidang berkaitan. Baginda melihat bahawa UniSZA juga seharusnya menyediakan peluang ini supaya kepakaran sebenar yang menjadi tuntutan pada era ini dapat disediakan. Hal ini kerana, baginda amat berkeyakinan bahawa UniSZA mampu mencapai semuanya dengan kerjasama dan kesungguhan daripada semua pihak.

Di penghujung titah, baginda amat berbangga dengan UniSZA yang dinobatkan sebagai gedung ilmu yang telah melahirkan ramai graduan selama usianya 40 tahun. Ia menjadi medan mengasuh graduan secara holistik. Pelbagai aktiviti dan usaha telah dijalankan dalam meningkatkan daya saing pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Justeru, semua pihak yang terlibat seharusnya berasa amat bertuah dan bersyukur kerana telah berjaya mengharungi pelbagai halangan dan rintangan selama 40 tahun penubuhan UniSZA. Kejayaan UniSZA pada hari ini adalah hasil titik peluh dan kesungguhan semua warganya. Justeru, baginda menyanjung tinggi dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga UniSZA yang telah sama-sama berganding bahu demi meningkatkan kecemerlangan universiti ini. Semoga penghayatan terhadap falsafah, misi, visi dan matlamat penubuhan universiti tercinta ini akan terus menjadi azimat untuk kita mencapai kecemerlangan pada masa akan datang.



# BAZAR RAMADAN DAN KARNIVAL JUALAN @FBIM SHOPEE






Karnival jualan FBIM Shoppe telah diadakan buat pertama kalinya pada bulan Disember 2020 bertujuan mempromosikan produk dari hasil ladang Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM). Kebanyakan sumber bahan mentah untuk pemprosesan produk ini diambil dari ladang FBIM dan diproses sendiri oleh staf fakulti di makmal-makmal yang terletak di UniSZA Kampus Besut. Pelbagai produk jualan seperti penjagaan diri (Propoplus), hasil tanaman ladang (jagung, labu, tembikai, cili, sayur-sayuran), daging ternakan (rusa, kambing, lembu) dan produk makanan terproses (kerepek, kordial rosel, kordial bunga telang, jem labu, jem rosel dan buah-buahan kering) telah berjaya dijual. Selain itu, Kiosk FBIM Shoppe yang terletak di Blok F6, FBIM UniSZA Kampus Besut turut menawarkan jualan pelbagai makanan seperti aneka roti, kek dan minuman '*ready to eat*' untuk para pelajar dan pengunjung.

Rentetan daripada kejayaan program karnival jualan FBIM Shoppe yang pertama, karnival jualan kedua telah diadakan pada bulan April 2021. Sama seperti karnival jualan yang dijalankan sebelum ini, program kali ini juga bertujuan mempromosikan produk-produk keluaran FBIM. Akan tetapi, kali ini terdapat lebih banyak produk yang dihasilkan dan berjaya dijual. Bagi memenuhi permintaan ramai, karnival jualan turut diadakan di Kampus Gong Badak.

Selain itu, FBIM turut mengadakan karnival Bazar Ramadan @FBIM Shoppe. Menariknya, program yang pertama kalinya diadakan ini telah dirancang dan dilaksanakan sendiri oleh para pelajar FBIM. Para pelajar menyediakan sendiri produk makanan, menjalankan aktiviti promosi dan membuka gerai jualan makanan berbuka puasa kepada komuniti pelajar di UniSZA Kampus Besut. Antara produk jualan mereka ialah 'air bocong', laksa, mi kari, nasi kerabu, cendawan goreng, kuih muih, oden dan pelbagai lagi. Program ini diyakini dapat memberi peluang kepada pelajar FBIM untuk menjana pendapatan semasa di UniSZA dan perkara ini selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi supaya universiti mempraktikkan '*Entrepreneur Integrated Education*'. Karnival Bazar Ramadan @FBIM Shoppe ini telah bermula pada 22 April (10 Ramadan) hingga 5 Mei (23 Ramadan) melibatkan para pelajar dari pelbagai bidang pengajian. Program ini dianjurkan bersama-sama dengan persatuan pelajar yang lain seperti ALPHA, FOSSAC, MyAgrosis, Agribiosis, JAPSAR dan mendapat kerjasama bersama MPP, PMFBIM, PMFIK dan PHAMSA.




Hasil daripada sambutan yang sangat menggalakkan ini, pihak FBIM merancang untuk terus melaksanakan program seperti ini pada masa hadapan. Ia bukan sekadar mampu membantu fakulti untuk menjana hasil, tetapi juga dapat membentuk minda keusahawanan dalam kalangan pelajar FBIM.

# BENGKEL ASAS
## PEMASARAN DIGITAL MELALUI MEDIA SOSIAL

Program ini bertujuan memastikan pelajar UniSZA diberikan pengetahuan secara amali berkaitan perniagaan secara dalam talian supaya dapat meningkatkan penglibatan dalam bidang keusahawanan. Isu pandemik COVID-19 yang melanda dunia kini telah meningkatkan platform perniagaan secara dalam talian. Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada pelajar untuk menghasilkan pendapatan semasa dalam pengajian lagi dan arahan kerajaan untuk pelaksanaan PKP dengan meminta rakyat untuk tidak berkumpul dan mengamalkan penjarakan sosial telah mendorong kepada komunikasi secara dalam talian. Justeru, Bahagian Teknousahawan telah menjalankan Bengkel Asas Pemasaran Digital Melalui Media Sosial (Fasa I) bersama Pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) UniSZA.







Bengkel Asas Pemasaran Digital Melalui Media Sosial merupakan program kerjasama antara Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT) dengan Syarikat Gig Venture Enterprise yang diwakili oleh Encik Khairul Ikhwan Zulkefly. Program ini diadakan pada 11 dan 12 Jun secara dalam talian. Program ini juga melibatkan staf dalaman PaKaT serta beberapa pelajar OKU UniSZA.

Objektif program ini adalah memberi pendedahan kepada pelajar untuk menjalankan perniagaan dengan berkesan melalui penggunan Media Sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok, WhatsApp dan Twitter. Program ini dapat memberi impak kepada pelajar OKU di UniSZA kerana dapat mencari sumber kewangan tambahan melalui Media Sosial (*Digital Marketing*).

# Bengkel Penerbitan Buku Melalui *Crowdfunding*




*Crowdfunding* merupakan salah satu alternatif moden yang semakin diterima oleh masyarakat dalam usaha membantu pihak tertentu merealisasikan impian dan hasrat penerbitan buku melalui sentuhan baharu seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Justeru, penerbitan merupakan antara bidang tugas pensyarah yang selanjutnya diperluaskan untuk kakitangan bergred DG di Pusat Pengajian Teras (PPT). Oleh itu, PPT dengan kerjasama Kelab Komuniti Pencinta Buku telah menganjurkan Bengkel Penerbitan Buku Melalui *Crowdfunding* bertempat di Dewan Seminar Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan UniSZA (CenTTM), pada 5 Mei. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Pengajian Teras, Prof. Madya To' Puan Dr. Nizaita Omar dan disertai seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah, pelajar serta orang awam. Pengarah PPT menekankan bahawa betapa pentingnya penulisan dan pembukuan dalam peradaban ilmu, di samping ia kekal releven sepanjang zaman. Beliau juga menjelaskan bahawa para penulis perlu mempelajari teknik semasa dalam penulisan serta penerbitan agar selari dengan perubahan zaman.



Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memberi panduan dan pendedahan kepada staf akademik, pelajar UniSZA serta orang awam bagi menyediakan diri dalam bidang penerbitan dengan memanfaatkan teknologi semasa. Selain itu, penganjuran bengkel ini turut memberi alternatif kepada peserta dalam usaha menerbitkan buku dengan lebih cepat.

Bengkel ini dikendalikan sepenuhnya oleh Pengasas FundMyBook dan Pengerusi Kelab Komuniti Pencinta Buku Terengganu iaitu Dr. Muhammad Shahrul Ifwat Ishak. Sesi pertama bengkel dimulai dengan perkongsiaan pengalaman penyelidikan beliau dalam industri buku dan penjelasan tentang konsep *Crowdfunding* serta kaedah yang boleh dimanfaatkan untuk penerbitan buku. Pada sesi kedua pula peserta didedahkan dengan teknik dan cara menulis kempen *crowdfunding*, di samping peserta juga diberi peluang mendaftar melalui platform FundMyBook untuk projek dana mereka kelak.

Sambutan dan maklum balas yang diterima daripada peserta amat baik dan positif. Bengkel ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi membantu staf akademik memenuhi tanggungjawab mereka dalam penerbitan di samping memberi galakan kepada penulis baharu yang mempunyai potensi dalam menghasilkan karya bermutu serta seterusnya memberi manfaat kepada masyarakat.



# FBIM dan Alumni Berpisah Tiada







Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) UniSZA telah melahirkan ramai graduan sejak penubuhannya pada tahun 2006. Graduan pertamanya ialah 150 orang pelajar pada tahun 2010. Sejak dari itu, hubungan antara fakulti dengan alumni terus berkesinambungan sehingga ke hari ini. Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memastikan hubungan ini terus erat di samping memberi peluang kepada alumni untuk menyumbang semula kepada fakulti.

Sebagai contoh, pada 18 Mac yang lalu, Persatuan Agribiosis UniSZA telah menganjurkan program *Alumni Sharing Series* (PPSPB) 1/2021 di platform *Facebook Live* persatuan tersebut. Topik yang dibincangkan ialah 'Realiti Kehidupan Selepas Bergraduasi'. Program yang julung-julung kali ini diadakan bertemakan perkongsian santai daripada alumni kepada para pelajar khususnya pelajar-pelajar program Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian dengan Kepujian dan Sarjana Muda Perniagaan Tani dengan Kepujian. Sesi kuiz dan cabutan bertuah turut diadakan pada penghujung program ini. Salah seorang alumni iaitu Encik Asrul Anwar Anas Bakhtiar telah dijemput bagi berkongsi pengetahuan dan pengalaman beliau selepas menjadi graduan. Encik Asrul Anwar merupakan alumni Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian dengan Kepujian pada tahun 2011, dan kini beliau bekerja sebagai Pengurus Pemasaran di Yara International (M) Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan CEO di syarikat Laburhartanah.

Selain itu, pada 2 April yang lalu, Food Science Students Association (FOSSAC) UniSZA telah berjaya menganjurkan program sembang santai bersama alumni Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan juga secara dalam talian di *Facebook Live* FOSSAC. Sesi kuiz turut diadakan sepanjang program ini. Dua orang panel jemputan yang merupakan alumni Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan pada tahun 2012 telah dijemput untuk menjayakan program ini. Panel jemputan pertama ialah Pengurus Akaun, International Flavours & Fragrances (IFF), Encik See Choon Yeap, manakala panel jemputan kedua ialah Penolong Pengurus Jaminan Qualiti, Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Encik Mohd Nor Shazwan Mohd Ra'uf.

Pada 30 Mei pula, FBIM dengan kerjasama Persatuan Agribiosis UniSZA telah menganjurkan program *Alumni Sharing Session-Industrial Talk* secara dalam talian melibatkan kursus ABT27704: Teknologi Produksi Tanaman yang bertajuk *Agronomic Practices in Oil Palm Plantation*. Melalui program ini, para peserta mendapat pengetahuan berkaitan amalan agronomi yang dilaksanakan di ladang kelapa sawit. Selain itu, para peserta juga mendapat pendedahan berkenaan kerjaya sebagai agronomis. Para peserta terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian dengan Kepujian, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pertaniantani dengan Kepujian, pelajar siswazah FBIM dan pensyarah FBIM. Encik Muhamad Asyraf Abd Razak telah dijemput sebagai panel jemputan bagi berkongsi pengetahuan dan pengalaman beliau dalam industri yang berteraskan tanaman kelapa sawit. Beliau merupakan alumni Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian dengan Kepujian pada tahun 2011, dan kini beliau bekerja sebagai agronomis di syarikat FGV Agri Services Sdn Bhd (FGV AS).

Melalui program ini, para pelajar memperoleh pelbagai informasi yang berguna untuk persediaan menghadapi alam pekerjaan. Program ini juga dapat menjadi salah satu platform untuk para alumni terus kekal berhubung dan berkongsi maklumat dengan pihak universiti dan pelajar.

# Kelab Anjung Kreatif UniSZA
## Anjur Bengkel Seni Teater

Kelab Anjung Kreatif UniSZA menganjurkan bengkel seni teater yang memberi tumpuan kepada asas teater, penulisan skrip, belakang tabir dan asas lakonan. Bengkel ini dikendalikan oleh empat orang fasilitator yang berpengalaman dalam bidang teater, iaitu Tuan Syarifah Rubiah Syed Arrifin dari Kelab Sanggar Teater; Encik Alif Imran Mohd Musthafa dari Kelab Alumni Anjung Kreatif UniSZA; Encik Muhammad Amirul Hakeem Rosmi dari Kelab Anjung Kreatif UniSZA; dan Encik Amar Asyraf Zailuddin dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan. Bengkel yang diadakan pada 17 April secara dalam talian ini disertai seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan orang awam.

Sesi bengkel dimulakan dengan perkongsian 'Pengenalan Teater' yang disampaikan oleh Tuan Syarifah Rubiah Syed Arrifin. Antara perkara yang ditekankan dalam sesi perkongsian yang pertama ialah asas yang diperlukan untuk mendalami bidang teater iaitu lakonan, belakang tabir, dan pengarahan. Encik Alif Imran Mohd Musthafa pula membincangkan penulisan skrip untuk teater. Beliau berkongsikan poin penting dalam penulisan skrip teater yang memainkan peranan penting dalam menjayakan sesebuah teater.

Sesi perkongsian ketiga diteruskan oleh Encik Muhammad Amirul Hakeem Rosmi berkenaan dengan pengurusan belakang tabir teater. Antara perkara yang dikongsikan ialah proses pembuatan alat peraga; penata bunyi dan cahaya; busana dan tatarias; dan pengurusan pentas sewaktu teater berlangsung. Sesi perkongsian yang terakhir disampaikan oleh Encik Amar Asyraf Zailuddin yang menghuraikan asas lakonan teater. Ekspresi muka; kedudukan sewaktu berlakon; suara yang lantang dan jelas; serta pergerakan yang jelas merupakan antara perkara yang ditekankan oleh beliau dalam perkongsian tersebut.

Secara keseluruhannya, program ini dapat membuka minda peserta yang terlibat dalam seni teater dan memberi peserta maklumat asas yang diperlukan untuk melibatkan diri dalam dunia seni teater.

# Youth Financial and Entrepreneurship Programme (YFEP)

Sekretariat Rakan Muda (SRM) UniSZA dengan kerjasama Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT) telah menganjurkan program *Youth Financial and Entrepreneurship Programme* (YFEP). Program ini bertujuan membantu para pelajar dalam pengurusan kewangan dan perniagaan. Semua program ini diadakan secara maya melalui medium Facebook Sekretariat Rakan Muda UniSZA.

Program ini dimulakan dengan segmen bual bicara kewangan yang bertajuk Bicara Santai: Wang Ada pada 19 Mac, *Business Talk: Zero To Profit* pada 26 Mac dan disusuli dengan Forum Survival Pelajar pada 2 April. Program bersama panel berpengalaman dalam pengurusan kewangan ini secara dasarnya dapat membantu membuka jalan kepada pelajar mencari duit sampingan sepanjang bergelar pelajar bagi menampung kos pembelajaran di universiti. Program ini diserikan lagi dengan penglibatan pelajar dari Mesir dan Indonesia. Forum ini telah memberi impak yang baik kepada universiti dalam memastikan UniSZA sentiasa terkehadapan dalam membentuk pelajar holistik yang bercirikan keusahawanan.

Program bicara yang terakhir ialah Bicara Ilmiah bertajuk "Berniaga Gaya Rasulullah" pada 4 April. Program ini diadakan untuk memberi pengetahuan mengenai hal ehwal pengurusan perniagaan yang selari dengan agama Islam dan sentiasa menjadikan Rasulullah s.a.w. sebagai ikon yang unggul. Program ini juga telah memberi peluang kepada semua sasaran peserta untuk meningkatkan penghayatan agama kerana ia merupakan satu unsur yang sangat penting dalam mempengaruhi kualiti peribadi seseorang pelajar Muslim dalam usaha melahirkan pelajar yang cemerlang sahsiah dan seimbang dari segi mental, jasmani, emosi dan rohani.

*Youth Financial and Entrepreneurship Programme* (YFEP) ini diharap dapat memberikan impak yang berkesan kepada peserta untuk meningkatkan rasa berdaya saing dan celik kewangan sempena minggu kewangan dan perniagaan yang dianjurkan oleh Sekretariat Rakan Muda (SRM).

# Kelab Citra Puisi (KeRiSZ) Anjur Bengkel 3 Serangkai







Pada 20-22 Mei telah berlangsungnya program Bengkel 3 Serangkai anjuran Kelab Citra Puisi (KeRiSZ) di bawah Pusat Kesenian dan Warisan (PKW), UniSZA. Program ini menghimpunkan tiga kluster seni budaya iaitu syair, pantun dan puisi. Program ini diadakan secara dalam talian menggunakan medium Zoom untuk peserta KeRiSZ dan juga ditayangkan secara langsung di Facebook untuk tontonan umum.

Panel penceramah yang berbakat dan sangat berkemahiran ditampilkan sepanjang program ini. Sesi syair telah menampilkan Ketua Kluster Syair KeRiSZ, Saudara Muhammad Affan Mohd Yunus dengan perkongsian mengenai pengenalan syair yang menyentuh secara terperinci mengenai sejarah dan irama syair.

Sesi pantun dengan fokus utama berkaitan asas kemahiran berpantun pula telah membawakan alumni KeRiSZ, Encik Muhammad Wan Faizal Che Juhari, dan bengkel puisi telah dikendalikan oleh pensyarah Institut Pendidikan Guru Pulau Pinang, Puan Normawar Marzuki. Beliau berkongsi mengenai perincian dalam penulisan puisi yang baik kepada para peserta.

Sepanjang bengkel ini dilaksanakan, semua panel amat mengutamakan nilai-nilai moral, ilmu pengetahuan dan kesedaran dalam perkongsian seni budaya yang berkualiti. Saudara Muhammad Affan telah memetik kata-kata daripada penggiat seni Melayu, Roslan Madun, "Syair ialah syair. yang penting adalah kita untuk berterusan dalam syair. Syair boleh jadi terkubur, boleh jadi berterusan untuk generasi akan datang. Kitalah penentu antara pengubur atau penggerak untuk generasi akan datang." Beliau juga menyatakan bahawa kata-kata tersebut tidak tertumpu dalam konteks syair semata-mata, malah untuk dipraktikkan dalam puisi-puisi tradisional dan moden.

Sementara itu, menurut Puan Normawar, jika kita menulis dengan baik, jangan sangka tulisan kita itu sudah baik kerana ada orang yang lebih baik penulisannya daripada kita. Justeru, teruskan menulis dan membaca. Beliau juga berharap kemahiran seni puisi yang ada digunakan sebaiknya.

Program ini dilaksanakan bertujuan memberikan pendedahan, melatih dan mencungkil lagi bakat terpendam dalam bidang syair, pantun dan puisi. Selain itu, pengetahuan mengenai seni budaya amat penting dalam memastikan legasi seni ini dapat diwarisi dan dipelajari oleh generasi akan datang. Bengkel 3 Serangkai ditamatkan dengan sesi persembahan kluster pada malam terakhir program oleh ahli KeRiSZ.



# KELAB QASIDAH HADI AR-RUKBAN BAWA MESEJ CINTA RASUL

Hadi Ar-Rukban merupakan sebuah kumpulan qasidah yang bernaung di bawah Pusat Kesenian dan Warisan (PKW), UniSZA sejak tahun 2014. Pada awalnya ia bermula pada tahun 2013 dengan rutin melantunkan bait qasidah dan bacaan Maulid Nabi Muhammad s.a.w. oleh sekumpulan mahasiswa pada setiap minggu di Surau Khansa, Kolej Kediaman UniSZA. Kemudian pada tahun berikutnya, kumpulan ini diserap masuk sebagai kelab naungan PKW dengan membawa nama Hadi Ar-Rukban. Nama ini diambil daripada perkataan Arab yang membawa maksud 'Penunjuk bagi Sebuah Rombongan', bertepatan dengan harapan pengasasnya agar kumpulan ini menjadi penuntun atau penunjuk jalan kepada umat untuk lebih mencintai Rasulullah s.a.w..




Kumpulan Qasidah Hadi Ar-Rukban mendapat bimbingan dan nasihat daripada pelbagai pihak terutamanya PKW yang begitu menyokong segala aktiviti kumpulan ini serta pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) secara amnya. Selain itu, kumpulan qasidah ini juga mendapat pimpinan daripada beberapa orang agamawan seperti pensyarah, Ustaz Syed Mohd Hafiz Syed Omar dan guru pondok, Ustaz Ku Syed Suhaimi yang merupakan Mudir Madrasah Darul Muhajirin, Bukit Jong. Kini, kumpulan qasidah semakin berkembang dan sentiasa komited dalam menjalankan misinya iaitu membawa umat untuk lebih mencintai Rasulullah s.a.w..

Selain itu, Qasidah Hadi Ar-Rukban banyak menganjurkan program di pelbagai peringkat, sama ada secara bersemuka atau secara maya. Antara aktiviti yang mendapat sambutan dan menarik minat warga UniSZA mahupun masyarakat setempat ialah program Malam Sejuta Selawat @ UniSZA yang telah diadakan pada 8 Mac 2019 di Dewan Al-Muktafi Billah Shah (DABS), Kampus Gong Badak dengan kehadiran seramai 2,400 orang. Program yang julung-julung kali dianjurkan ini melibatkan penceramah terkenal, iaitu al-Fadhil Ustaz Iqbal Zain al-Jauhari dan a-Fadhil Ustaz Mustaffa Kamal Hamzah. Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan qasidah serta bacaan *Maulid Ad-Dhiya' Lami'* oleh kumpulan



Fattabiouni.




Atas kejayaan program tersebut, kelab Qasidah Hadi Ar-Rukban meneruskan lagi program sebegitu dengan menamakannya sebagai Malam Semanis Cinta Rasul yang diadakan pada 6 Mac 2020 di Dewan Auditorium Perpustakaan, Kampus Gong Badak. Penceramah yang dijemput untuk menyampaikan tausiyah ialah al-Fadhil Ustaz Muhammad Shahir Shah Budin manakala kumpulan qasidah yang dijemput untuk mengadakan persembahan ialah kumpulan Qasidah Soutul Muhibbin, Madrasah Darul Muhajirin. Pengisian yang dilakukan dalam kedua-dua program ini ialah bacaan *Rattib Al-Haddad, Maulid Dhiya'ul Lami', tausiah*, qasidah serta *Mahallul Qiyam*.

Kelab Qasidah Hadi Ar-Rukban juga mengadakan Bengkel Qasidah 2021 iaitu Bengkel Seni Suara dan Bengkel Alat Muzik. Bengkel ini dilaksanakan dalam empat sesi secara dalam talian pada 12 Mac, 26 Mac, 2 April dan 9 April. Pada kali ini, jurulatih dari kumpulan Al-Mawlid Brothers, Darbuka Kedah dan Encik Sodeeq Subri dijemput untuk berkongsi mengenai seni qasidah. Kelab Qasidah Hadi Ar-Rukban juga mengadakan program maulid di PKW pada setiap bulan sebagai aktiviti rutin di samping memenuhi jemputan dari pihak luar untuk majlis selawat, majlis sosial serta formal.






# PROGRAM KEPIMPINAN: *BEING A UniSZA LEADER*





Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CenTTM) dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor UniSZA telah menganjurkan Program Kepimpinan: *Being A UniSZA Leader* pada 14 Mac - 27 April. Program ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan, pada 17 Mac di Dewan Seminar CenTTM. Program dalam talian ini turut dihadiri Martin Horton dan Fatima Vepari dari Sukha Consulting, United Kingdom.

Program ini bertujuan membangunkan kelompok bakat UniSZA yang berpotensi tinggi untuk diberi pendedahan dan memupuk ciri-ciri kepimpinan agar mampu memberi sumbangan kepimpinan universiti. Pengisian program ini memberi fokus untuk membentuk ciri kepimpinan selain turut menerapkan nilai NASEEM.

Seramai 20 orang peserta dalam kalangan staf akademik dan pentadbiran telah dipilih untuk menyertai program ini. Penganjuran program ini diharap dapat merealisasikan usaha melahirkan pemimpin yang berwibawa untuk memacu UniSZA menjadi sebuah universiti terbilang.



# UniSZA Perkasa Pegawai Tadbir Melalui Program *Team Building*



Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CenTTM) telah menganjurkan kursus UniSZA *Team Building*: Pemerkasaan Pegawai Tadbir Gred N41 dan ke atas Siri 1/2021 pada 10 April di Kem Survival iM4U, Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP), Merang, Setiu. Kursus ini dirasmikan oleh wakil Naib Canselor UniSZA iaitu Penasihat Undang-Undang UniSZA, Dr. Mohd Badrol Awang. Seramai 36 orang peserta terlibat bagi menjayakan kursus ini termasuk Pendaftar UniSZA.

Pengisian slot dimulakan dengan ucapan perasmian daripada Dr. Mohd Badrol Awang diikuti ucapan aluan daripada Pendaftar, Encik Ismail Musa. Setelah itu, aktiviti senamrobik yang diketuai oleh urusetia kursus dijalankan. Peserta kemudiannya dipecahkan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan dikehendaki menjalani latihan dalam kumpulan (LDK) yang bermula di jeti kem diikuti mendaki bukit ke Balai Cerap, berjalan ke rumah api dan berenang dari seberang tapak kem. Aktiviti diakhiri dengan pembahagian hadiah kepada pemenang dan sesi bergambar kenang-kenangan bersama Pendaftar UniSZA.






# Wacana Pengajian Teras Series




In an effort to meet the needs of the UniSZA community, the Centre for Fundamental Studies (PPT) began 2021 by embarking on a series of forums held online with prominent academics from throughout Malaysia. The forums were held online allowing students to meet and discuss head on, the most important and current issues of the day. What follows is a brief look at the most recent series of forums hosted and their impact on the participants.

English is one of the most prominent global languages. It is applied in various fields including theology, economics, education, legal and many others. Recently, a mispronunciation by an English language teacher on an online educational programme went viral due to comments made by a local well-known figure, who is TESL graduate herself.

As a result, PPT took the initiative to discuss this issue in an in-depth session called *Wacana Pengajian Teras Siri 1: 'Perkasa atau Agungkan Bahasa Inggeris'* in a Facebook Live discussion on the 8th of March 2021. This is related to the fact that PPT is an academic centre that focuses on providing the teaching and learning of compulsory English language courses for all UniSZA students. The first session was moderated by YM Tengku Anis Soraya Tengku Sulaiman, with three experienced panelists: Professor Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah, our own respected Professor of PPT; Mr. Anuar McAfee, Director of the International Centre (IC) who also happens to be an English native speaker; and last but not least Dr. Nur Syahirah Mohamad Nasir, a PPT lecturer who recently completed her doctorate in Scotland.

The gist of the discussion can be summed up as follows. First, the issue of English language empowerment is not only happening among students but also among adults, especially both the civil servants and private staff. Second, communication is not hindered by the use of broken English as the aim of communication is for all parties involved to understand the messages between them.




The idea of these series of discourses is in line with PPT's aim in taking part in intellectual discussions on both current local and global occurrences. The expected impact is the process of understanding and acceptance of various perspectives from multiple backgrounds on these issues. The discourse did not stop with this issue alone and continued with a series as a medium to discuss current issues that are highly relevant to the university and global community, in line with the latest world developments.




The *Wacana Pengajian Teras Siri 2* entitled *'Kursus Universiti: Meneroka Falsafah Meneliti Realiti'*, was held with the aim to understand the spirit and the purpose of the MPU courses, and to comprehend the impact of the MPU courses on university students in facing real life challenges after university life.

Hence, on 21st of March 2021, PPT in collaboration with the Institute of Ethnic Studies, UKM, Department of National Studies and Civilization, UPM, and the Academy of Islamic Civilization, UTM organised this discourse, inviting several experts to discuss this issue. The invited panelists were a professor from the Department of National Studies and Civilization, UPM, Professor Dr. Zaid Ahmad; a professor from the Institute of Ethnic Studies, UKM, Professor Dr. Mansor Mohd Noor; and a professor from the Faculty of Social Sciences and Humanities, UTM, Professor Dr. Badlihisham Mohd Nasir. The discourse was moderated by

a professor from PPT, Professor Dr. Ridhuan Tee Abdullah.

This time around, the discourse was seen as a very good medium in triggering a deeper awareness to produce citizens with identity and spirit in an effort to build a nation state. The achievement of grade A in the MPU courses by students is not a determinant of success for the student in facing the reality of life after university.




“I am worried that the use of the word Allah by non-Muslims is being abused in spreading their religion and confusing the Muslims themselves. For example, in Christianity there is Allah whereby in Islam there is also Allah, while the interpretation of Allah in Christianity is the concept of trinity as enshrined in the Bible (not the original gospel) which is very contrary to the concept of divinity which is monotheistic in Islam. “ This exasperation and concern was expressed by Sahibus Samahah Dato ‘Mufti of Terengganu, Dato’ Dr. Zulkifly Muda in a discussion on the issue of the word Allah, in *Wacana Pengajian Teras Siri 3* entitled *‘Kalimah Allah: Tafsiran, Kedudukan dan Pemakaiannya’*.

PPT takes this matter very seriously and has held a discourse on this issue in collaboration with the Terengganu State Mufti Department and the Terengganu National Dakwah Council on March 29, 2021. The invited panelists consisted of Sahibus Samahah Dato’ Mufti of Terengganu, Dato’ Dr. Zulkifly Muda and PPT and Faculty of Law and International Relations, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), lecturer, Dato ’Mahamad Naser Disa.

The main purpose of this discourse was to provide enlightenment to Muslims who are still confused on the polemic of the word Allah which has been happening in Malaysia for a very long time. The amiable co-existence between religions and races in Malaysia needs to be preserved at its best without giving room to anything that could disrupt the tolerance. Islam as the official religion of Malaysia must always be respected by all parties and everything related to Islam should not be compromised, including the right to use the word Allah.

The *Wacana Pengajian Teras Siri 4* discussed the issue of *‘Wanita: Antara Ketaatan dan Eksploitasi’*. Based on the current scenario, PPT invited several relevant panels to discuss this issue in depth. The invited panels were the Director of the Terengganu State Women Development Department, Mrs. Saszren Hazrina Saary; the Chairman of the Terengganu State Bar Committee, Encik Sallehudin Harun who is also the Head of the Terengganu Human Rights Cluster and Law; and the Director of PPT, Associate Professor To’ Puan Dr. Nizaita Omar. The discourse was organised by PPT together with the Malaysian Women’s Network Aspirations Organisation (AJWA), the Women’s Board as well as the Terengganu National Dakwah Council.







The issue of exploitation of women was chosen as the issue of discussion this time because it focuses on various forms of oppression against women that are on the rise when the country and the world was hit by the COVID-19 pandemic and needed to comply with the Movement Control Order as directed by the government. The issue is, are women themselves aware that there is exploitation? Some say that these various forms of exploitation occur due to the ignorance of the women themselves with regards to the existing legal provisions in the country.




“Sometimes, we women use inappropriate religious reasons, such as having to obey the husband because the wife’s paradise is under the husband’s feet. It must be understood, obedience to the husband has a reason but obedience to God has no limits, “commented Associate Professor To ‘Puan Dr. Nizaita Omar at length.

Next, the *Wacana Pengajian Teras Siri 5* discussed the issue of the relevance of university courses as practiced today. This issue is based on the







response of YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman in Astro Awani regarding the issue of university courses that are implemented in universities throughout Malaysia. In his view, university courses should be optional, not burdensome for students. They should be more focused and relevant to the field of study taken by the students which in turn can have a positive impact on the marketability of the graduates.

To discuss further on this matter, the discourse entitled 'Kursus Wajib Universiti: Beban atau Keperluan?' was organized by PPT in collaboration with the Terengganu National Dakwah Council on 4 May 2021 by inviting Muar MP, YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman himself who also is a former Minister of Youth and Sports as one of the panel members. He was also accompanied by two other panel members who are directly involved in the teaching of university courses and also are regarded as subject matter experts in the implementation of university courses, UniSZA Professor Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah, and Researcher at the Islamic and Strategic Studies Institute (ISSI), Dr. Amran Muhammad. The discourse this time was moderated by PPT Deputy Director (Research and Development), Dr. Hanif Md Lateh @ Junid.

Basically, the university itself aims to build human beings holistically and university courses are created for the purpose of building the students themselves as Malaysian citizens. For this purpose it is necessary to understand and truly appreciate that Malaysia consists of various races and needs an understanding and appreciation of the diversity of these races as a harmonious nation.




PPT continued with its sixth discourse entitled 'Palestine Menangis, Dunia Melihat' by inviting YB Hasanuddin Mohd Yunus, Hulu Langat member of Parliament who was also a crew of Marvi Marmara; Associate Professor Dr. Kaseh Abu Bakar, a lecturer from Centre for Arabic Language and Islamic Civilization Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); and Brother Salman Mohd Yusop, Malaysia Project for Syria Development Executive. The discourse was held on 25 May 2021 in cooperation with Majlis Dakwah Negeri Terengganu and Sekretariat Agensi Antidadah Kebangsaan (SAADK) Universiti Sultan Zainal Abidin.

"This time, the momentum showed from the support of the Malaysians is very different. Perhaps, this is the advantage of the implementation of the MCO (Movement Control Order). Malaysians from all ages gave attention to the issue and came forward to voice out their support. The #israelkoyak was made viral by netizens and managed to bring a downfall to certain shares belonging to Israel. This gave a significant impact to Israel". Brother Salman Mohd Yusop who was very proud with Malaysian solidarity commented on this during the discourse.

Significantly, the discourse was for the Muslims to understand the basis for struggle as outlined by Islam, to preserve and fight for tawheed as well as to uphold the values of Shari'at and the good attributes of the Prophet Muhammad S.A.W. The struggle in Palestine is not seasonal but it an ongoing struggle.

It is hoped that the *Wacana Pengajian Teras* will continue to be held with support especially from the UniSZA community. It should be the starting point for solutions to many contemporary issues involving the current generation and all Malaysians in general.

# World #QuranHour 2021 at UniSZA Besut



In Malaysia, World #QuranHour is an annual event organised during the month of Ramadan. Although there remains the threat of the Covid-19, as well as constraints due to the Movement Control Order (MCO) this year, this is not an obstacle for all Muslims to get closer to the Quran especially during Ramadan.

The Besut Campus Director's Office, in collaboration with Al-Wathiqu Billah Library, organised a special event named 'Recitation of 30 Juz of Al-Quran in Conjunction with World Quran Hour' on the 6th of May 2021. The event was held at the Besut Campus library, Al-Wathiqu Billah Library.

This event was held for the very first time at the UniSZA Besut Campus. There was participation of students from all three faculties including Faculty of Pharmacy, Faculty of Informatics & Computing and Faculty of Bioresources & Food Industry. The event began at 12.00 noon and ended at 1.00 pm.

The main objective of this event was to encourage students to always be closer to the Quran and appreciate the verses of the Quran together. In addition, recitation of the Quran is a praiseworthy practice especially in the month of Ramadan. The organisation of this event was intended to give awareness of the importance of appreciating the holy verses of the Quran.

The event received a very encouraging response and great support with the involvement of students as well as staff from the Besut Campus from various departments. May Allah grant and bless this effort, hopefully this kind of event can be organised again in the future.





# SEJENAK BERSAMA KETUA JAWATANKUASA KESIHATAN COVID-19 DR. SAFIYA AMARAN



**Terima kasih YBrs. Dr. kerana sudi ditemu bual untuk buletin kali ini. Menurut pandangan YBrs. Dr., adakah dengan berlakunya penularan wabak COVID-19 memberi kesan yang cukup besar kepada tahap kesihatan rakyat negara ini?**

Pandemik COVID-19 memberi kesan yang sangat besar kepada tahap kesihatan rakyat. Setakat 11 Ogos, jumlah kematian adalah sebanyak 11,373 orang dan bilangan yang dijangkiti adalah sebanyak 1,320,547 orang. Manakala, kes aktif iaitu orang yang sedang menjalani isolasi dan rawatan berjumlah 233,358, satu angka yang bukannya kecil. Lonjakan tinggi kes pada gelombang keempat menyebabkan terlalu ramai pesakit memenuhi kebanyakan hospital di Malaysia dan mengakibatkan kapasiti hospital untuk rawatan penyakit lain menjadi terhad. Hal ini mengakibatkan orang yang mendapat penyakit lain selain daripada COVID-19 tidak dapat menerima rawatan seperti biasa dan banyak prosedur akan menjadi lambat disebabkan banyak tenaga ditumpukan untuk merawat pesakit COVID-19 yang lebih tenat.

Selain daripada kesan langsung penyakit ini kepada kesihatan, ia juga memberi kesan tidak langsung kepada pelbagai aspek kehidupan seperti sistem pendidikan, sistem ekonomi dan sistem sosial. COVID-19 memberi kesan besar terhadap ekonomi keluarga. Ramai yang kehilangan pekerjaan atau sumber pendapatan sehingga ke tahap ada yang terpaksa mengibarkan bendera putih menandakan mereka amat terdesak memerlukan bantuan kewangan. Dari segi perubahan dalam sistem pendidikan, ia bukan sahaja melibatkan pelajar, malah guru dan ibu bapa turut menyuarakan kesusahan untuk menyesuaikan diri kepada Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR). Dari sudut aspek sosial, ia telah mengehadkan pergerakan dan hubungan sesama manusia yang bertentangan dengan norma biasa. Cara hidup telah berubah iaitu kita tidak boleh lagi menjalani hidup yang aktif seperti dahulu dan ini memberi kesan kepada norma hidup masyarakat. Perubahan ini memberi satu tekanan yang besar kepada kebanyakan orang. Kita dapat lihat kes bunuh diri semakin meningkat berbanding tahun lepas, begitu juga dengan kes cubaan bunuh diri.

Kesimpulannya, penyakit COVID-19 ini memberi kesan yang terlalu besar kepada kehidupan masyarakat di Malaysia. Pada masa yang sama, kita masih berada dalam pandemik yang belum berakhir, jadi skala kesan pandemik ini belum boleh nampak dengan sepenuhnya dan kesan itu mungkin lebih besar dan lebih ketara pada masa hadapan.

**Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian adalah norma baharu yang dilakukan pada masa kini. Menurut pengalaman YBrs. Dr. sendiri, adakah ia telah memberikan kesan terhadap kesihatan kakitangan dan pelajar dari aspek fizikal dan mental dan apakah langkah yang diambil oleh pihak perubatan UniSZA?**

Pada awal tahun 2020, ketika pandemik ini bermula, terdapat perubahan yang sangat mendadak ketika itu. Kebiasaannya pembelajaran berlaku secara langsung sama ada di dalam kelas, makmal ataupun secara klinikal, namun apabila berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac tahun lepas, pelaksanaan PdP turut berubah. Pada masa itu, ia merupakan satu tempoh peralihan untuk pensyarah melakukan perubahan daripada pembelajaran secara terus kepada pembelajaran secara dalam talian dan ia bukan satu perkara yang mudah. Hal ini disebabkan kapasiti untuk setiap pensyarah melakukan perubahan tidak sama antara satu sama lain. Bagi pensyarah muda yang celik IT, perubahan lebih mudah, manakala bagi pensyarah yang lebih berusia ia mengambil masa yang lebih lama untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran secara dalam talian sepenuhnya.

Bagi pelajar pula, perubahan pembelajaran secara mendadak yang perlu dilakukan di rumah menyebabkan beberapa masalah telah berlaku seperti tidak dapat menyertai kelas kerana capaian Internet yang kurang memuaskan ataupun capaian Internet dapat diakses tetapi pelan data tidak besar. Hal ini menyebabkan pelajar terpaksa membelanjakan banyak wang untuk memenuhi keperluan data pelan Internet dan yang tidak mampu akan ketinggalan mengikuti kelas dalam talian. Masalah capaian Internet adalah antara perkara yang paling ketara dapat dilihat pada peringkat awal.

Apabila gelombang wabak mulai reda dan setelah melalui proses tersebut ada beberapa fakulti yang menyedari bidang mereka sememangnya tidak boleh sepenuhnya membuat pembelajaran secara dalam talian. Sebagai contoh bidang yang memerlukan makmal, bengkel dan klinikal yang perlu dilaksanakan di hospital. Hal ini menyebabkan gangguan kepada jadual pembelajaran yang biasa. Jadual pembelajaran pada tahun 2020 melalui banyak proses modifikasi kerana berulang kali terpaksa dianjak mengikut situasi pandemik dan apabila ada kesempatan baharu boleh kembali ke kampus, itu pun dalam keadaan yang banyak mengikut SOP yang digariskan. Hal ini kerana apabila pelajar dibawa masuk semula ke kampus, mereka perlu melalui proses kuarantin dan ujian swab. Pada peringkat awal kuarantin, ia adalah satu perkara yang asing bagi pelajar. Jadi ada antara pelajar yang tertekan dan ibu bapa berasa risau. Hal ini merupakan satu perubahan besar yang terpaksa mereka lalui untuk menyambung pembelajaran secara bersemuka setelah dibenarkan oleh kerajaan. Paling sukar adalah perkara ini berlaku secara berulang kali.

Pihak universiti seperti Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) sendiri cuba membantu dengan memberikan bantuan seperti komputer riba dan data Internet kepada pelajar. Pensyarah juga membuat pengubahsuaian dengan mengadakan pembelajaran secara masa nyata dan masa bukan nyata. Pihak Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik juga banyak mengambil inisiatif dengan membentuk platform 'Tanya Akademik' yang membolehkan pelajar ataupun pensyarah bertanya akan kemusykilan mereka. Seiring masa berlalu, banyak perubahan yang besar telah dialami oleh staf dan pelajar.

**Semua kakitangan UniSZA diwajibkan mengisi maklumat berkaitan gejala wabak COVID-19 dalam Sistem COVID-19 *Health Risk Assessment and Self Evaluation System* (CHaSe). Boleh YBrs. Dr. kongsikan bagaimana sistem ini berfungsi dan mampu memberi impak terhadap pembendungan wabak COVID-19 dalam kalangan staf UniSZA?**

CHaSe dibangunkan berdasarkan kajian saintifik oleh pasukan CHaSe UniSZA dengan kerjasama Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk membuat penilaian risiko kepada warga UniSZA. Semua staf dan pelajar perlu mengisinya setiap hari. Risiko pertama yang dikenal pasti adalah berdasarkan sejarah pergerakan ke tempat berisiko. Kedua, adakah mereka mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19 ataupun orang yang dalam arahan kuarantin. Sementara yang ketiga pula adalah berdasarkan gejala COVID-19. Sistem CHaSe akan menganalisa semua risiko yang ada dan mengkategorikannya sebagai risiko rendah, sederhana atau tinggi. Hanya yang berisiko rendah akan mendapat akses masuk ke kampus manakala risiko sederhana dan tinggi akan melalui penilaian risiko yang lebih terperinci.

Kewujudan sistem CHaSe ini membolehkan kita membuat pengesanan awal dan dapat mengelakkan penularan jangkitan di dalam kampus. Selain itu, sistem CHaSe bersifat mesra pengguna. Hasil penilaian dapat terus dilihat dalam masa nyata dan mesra alam kerana bersifat *paperless*. Sistem ini juga secara tidak langsung membolehkan warga UniSZA menjadi lebih peka mengenai gejala dan risiko jangkitan COVID-19 pada diri mereka.

**Pandemik COVID-19 boleh berulang kembali jika tidak dicegah dengan amalan SOP yang ketat. Boleh YBrs. Dr. jelaskan apakah langkah SOP yang sering dipandang enteng atau dipandang 'tidak mengapa' oleh masyarakat?**

SOP yang sentiasa diingatkan oleh KKM ialah memakai pelitup muka, menjaga penjarakan fizikal, mengelakkan kawasan sempit, mengelakkan bersembang secara dekat, sentiasa mencuci tangan dan mendapatkan rawatan segera jika bergejala. Pemakaian pelitup muka adalah antara amalan pencegahan penyakit COVID-19 yang amat penting. Pada peringkat awal pandemik, masyarakat mengambil masa untuk mengamalkan sepenuhnya amalan ini. Pada waktu itu, jumlah kes dan kematian adalah kecil, jadi ramai memandang remeh terhadap kaedah pencegahan penyakit ini dan tidak betul-betul patuh pada arahan memakai pelitup muka. Pada awalnya, kerajaan giat menjalankan promosi kesihatan membudayakan norma baharu kehidupan, malah adakalanya terpaksa menggunakan kaedah penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan masyarakat mematuhi amalan ini sepenuhnya. Namun, seiring masa berlalu, amalan ini beransur-ansur diterima sebagai norma baharu oleh masyarakat. Kita dapat lihat pada tahun 2021 ramai yang sudah boleh menerima dan patuh kepada amalan memakai pelitup muka sepanjang masa. Selain itu, cabaran lain adalah hendak memastikan orang memakai pelitup muka dengan cara yang betul kerana hanya dengan itu ia mampu menjadi pelindung diri dan pelindung kepada orang lain di sekeliling kita.

Seterusnya, arahan yang sering dipandang enteng ialah kuarantin. Ramai yang masih tidak betul-betul memahami konsep kuarantin yang bermaksud perlu mengasingkan diri daripada orang lain. Ada yang mendapat arahan kuarantin tetapi masih keluar berjumpa dengan ahli keluarga lain atau keluar membeli barang keperluan harian. Ada yang merasa rugi terpaksa berkurung dan ingin keluar berniaga dan tidak patuh kepada arahan kuarantin. Ketidakpatuhan ini memberi kesan yang besar kepada penularan penyakit COVID-19 sepertimana contoh yang kita lihat dalam Kluster Sivagangga pada tahun 2020 dahulu. Bahkan banyak lagi kluster lain yang tercetus kerana ketidakpatuhan kepada arahan kuarantin ini. Kepatuhan kepada arahan kuarantin adalah sukar untuk diikuti oleh masyarakat disebabkan merasa tertekan apabila duduk berseorangan dan diasingkan daripada orang lain. Ramai yang tidak memahami peranan kuarantin sebagai kaedah kawalan yang amat penting dalam menghentikan penularan wabak dan ini mempengaruhi tindakan mereka.

**Berdasarkan pengalaman YBrs. Dr., apakah terdapat perbezaan pengendalian COVID-19 di UniSZA pada tahun ini berbanding pada tahun yang lepas?**

Gelombang wabak COVID-19 pada tahun 2020 berlaku pada skala yang lebih kecil dan jelas melibatkan kluster yang tertumpu kepada kumpulan tertentu. Sebagai contoh, pada bulan Mac 2020, Kluster Tabligh adalah kluster utama semasa gelombang kedua, jadi mudah untuk mengenal pasti mereka yang berisiko. Warga UniSZA yang terlibat dengan kumpulan Tabligh dikenal pasti dan diberikan arahan kuarantin. Kawalan dapat dijalankan dengan baik dan menyeluruh. Pada masa itu juga, kes di Terengganu mahupun di pantai timur adalah rendah. Walaupun terdapat banyak pergerakan keluar masuk ke dalam kampus, risiko tersebut tidak terlalu besar.

Risiko yang sangat ketara bermula pada bulan September disebabkan oleh pilihan raya Sabah yang melibatkan wakil politik dari seluruh Malaysia berkunjung ke Sabah. Pada masa tersebut, *epicentre* wabak adalah di Lembah Klang bagi Semenanjung Malaysia, jadi staf yang pulang dari sana dikategorikan berisiko dan perlu melalui proses penilaian risiko serta kuarantin. Walau bagaimanapun pada akhir tahun lepas hingga sekarang, COVID-19 telah merebak ke seluruh Malaysia dan menjadi satu cabaran untuk kita membuat penilaian risiko kepada warga UniSZA yang pulang dari tempat berisiko sama ada dari luar atau dalam negeri Terengganu. Jadi ini sangat berbeza berbanding tahun lepas yang sebelum ini orang bergejala tanpa ada kontak rapat kemungkinan besar dia tidak terkena jangkitan COVID-19. Namun, sejak ia telah tersebar ke seluruh Malaysia, jadi setiap kali ada orang yang bergejala kita perlu pastikan individu tersebut bukan terkena jangkitan COVID-19. Hal ini penting kerana risiko untuk seseorang terkena jangkitan COVID-19 adalah sangat tinggi apabila bergejala sama ada mempunyai sejarah pergerakan ke kawasan wabak ataupun tidak. Bilangan staf dan pelajar yang dijangkiti COVID-19 pada tahun 2020 amat kecil, tetapi ini sangat berbeza pada tahun 2021. Ramai staf dan pelajar mendapat jangkitan daripada keluarga atau komuniti. Jadi, pada tahun 2021, terutamanya semasa gelombang keempat, untuk memastikan tiada penularan berlaku di dalam kampus adalah satu cabaran yang sangat besar dan memerlukan kerjasama daripada semua pihak.

Selain itu, pengendalian pergerakan pelajar pulang ke rumah atau balik ke kampus adalah lebih mencabar pada tahun 2021. Pelajar perlu melalui SOP kemasukan yang lebih ketat termasuk proses kuarantin dan ujian calitan setiap kali kemasukan ke kolej kediaman. Urusan pergerakan pelajar juga adalah satu cabaran kerana kini universiti perlu terlibat secara langsung dalam menguruskan pelajar pulang ke rumah untuk mengurangkan risiko mereka dijangkiti semasa perjalanan. Maka proses pengendalian pelajar menjadi lebih rumit pada tahun 2021.

**Sebagai harapan dan saranan kepada umum, boleh YBrs. Dr. memberi sedikit panduan dan nasihat bagaimana untuk mengelakkan wabak COVID-19 daripada terus merebak secara yang tidak terkawal.**

Kita semua sedia maklum tentang Program Immunisasi Kebangsaaan COVID-19 (PICK) yang sedang dijalankan. Kerajaan mensasarkan lebih 80% rakyat Malaysia akan menerima suntikan vaksin melalui program ini dan kita harapkan ia akan sangat membantu kawalan pandemik COVID-19 di Malaysia. Saya memang sangat berharap agar masyarakat dapat membezakan maklumat yang tepat dan tidak tepat berkaitan dengan vaksin serta membuka minda tentang vaksin. Sekarang ini kebanyakan orang sudah berubah persepsi dan dapat menerima vaksin sebagai satu usaha kita untuk menghadapi pandemik ini. Lebih ramai orang menerima vaksin, lebih ramai akan terlindung daripada komplikasi merbahaya COVID-19.

Saya juga berharap agar masyarakat umum memahami tujuan vaksin dan menerima suntikan ini malah untuk staf dan pelajar UniSZA kita berharap 100 peratus akan menerima vaksin. Kini UniSZA sendiri turut terlibat sebagai Pusat Pemberian Vaksin dan ini memudahkan staf dan pelajar menerima vaksin. Apabila ada peratusan komuniti yang besar menerima vaksin contohnya lebih 80 peratus, kita akan dapat lihat perubahan yang ketara.

Kita boleh lihat di seluruh dunia di setiap negara yang membuat proses vaksinasi kadarnya tidak sama. Terdapat negara yang lebih 40 peratus, 50 peratus dan 60 peratus. Jadi kita boleh belajar daripada negara yang telah melebihi 60 peratus rakyatnya menerima vaksin. Terdapat perbezaan selepas 60 peratus rakyat yang mendapat vaksin ini. Mungkin jangkitan itu masih berlaku kerana COVID-19 ini tidak terhapus sepenuhnya tetapi apabila jangkitan ini berlaku, kadar kematian akan menjadi sangat rendah. Jadi maksudnya orang masih boleh terkena jangkitan ini tetapi ia sekadar selesema biasa, tidak perlu masuk wad kecemasan dan tidak membawa maut. Perubahan positif ini yang boleh kita lihat di sesetengah negara seperti di Perancis, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Jadi itu memberikan kita satu harapan bahawa vaksin itu berupaya untuk merubah bilangan yang maut kerana wabak. Vaksin ini berfungsi sebagai satu lagi pertahanan untuk melawan COVID-19. Kalau masyarakat betul-betul memberi kerjasama, saya yakin sebenarnya kita boleh mencapai tahap lebih 80 peratus orang mendapat vaksin pada tahun ini di Malaysia.

Oleh itu, kita mengharapkan kerjasama daripada orang ramai untuk mencapai imuniti dan mengubah suasana pandemik ini. Namun begitu, pada masa yang sama kita sangat perlu patuh pada SOP yang sedia ada sama ada yang sudah menerima vaksin ataupun yang belum divaksin. Akhir kata besar harapan kita agar pandemik ini dapat berakhir dan aturan kehidupan kita kembali pulih dengan izin Allah s.w.t..

# SEJENAK BERSAMA KETUA PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) UNISZA DR. NIK AHMAD SHAIFFUDIN NIK HIM



**Pertamanya, boleh YBrs. Dr. kongsikan bagaimana timbulnya idea dan inisiatif untuk mewujudkan Pusat Penerimaan Vaksin (PPV) di UniSZA dan bagaimana pula pihak PPV UniSZA menentukan siapa yang bakal menjadi penerima vaksin dalam kalangan staf dan masyarakat?**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Penerbit UniSZA kerana mengadakan sesi temu bual sebagai perkongsian untuk semua khasnya warga UniSZA. Alhamdullilah dengan izin dan limpah perkenan-Nya Pusat Pemberian Vaksin Integrasi, Institusi Pendidikan Tinggi di Universiti Sultan Zainal Abidin (PPV IPT (Integrasi) @ UniSZA) dapat diwujudkan secara rasminya pada 13 Jun 2021. Vaksin merupakan salah satu kaedah untuk kita mengawal pandemik ini dan ia antara cara yang terbaik untuk melindungi masyarakat daripada COVID-19.

PPV IPT (Integrasi) UniSZA ini diwujudkan bagi menyahut saranan Menteri Pengajian Tinggi dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi akan peranan institusi pengajian tinggi sama ada awam atau swasta untuk membantu pihak kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memerangi pandemik COVID-19. Hasrat ini telah disampaikan kepada DG iaitu Prof. Datuk Dr Husaini Omar dan beliau memanggil mesyuarat semua Naib Canselor dan Pengarah Hospital Pengajar tentang bagaimana cara untuk membantu KKM berkenaan vaksinasi ini. Sebenarnya saranan PPV ini telah disambut baik oleh Naib Canselor UniSZA dan beliau telah mengambil tindakan proaktif dengan mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama pasukan Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu. Saya dalam mesyuarat tersebut telah menyatakan kesediaan kita untuk menjadi PPV. Tindakan seterusnya, saya menghantar dokumen keperluan dan senarai staf yang ada di UniSZA. Urusan ini sebenarnya berlangsung dengan pantas dengan ketersediaan kelengkapan yang ada di UniSZA, dan Pengarah Kesihatan Negeri terus bersetuju memberi kita vaksin untuk memulakan program tersebut. Ekoran daripada itu, satu Jawatan Kuasa PPV UniSZA telah dilantik dan pihak kami telah membuat persediaan mengikut keperluan dan piawaian KKM. Saya juga telah membuat beberapa siri perbincangan bersama Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus dan telah mengkoordinasikan agar latihan pengurusan PPV kepada pasukan kesihatan, farmasi dan pengurusan data dibuat segera. Sebenarnya saya berasa sangat bangga dengan staf UniSZA yang telah memberikan komitmen, kerjasama dan kesungguhan untuk mewujudkan PPV. Hal ini kerana segala persiapan pengoperasian PPV dapat disediakan dalam masa kurang daripada seminggu. Pihak Jawatankuasa PPV UniSZA telah bersedia seawal 6 Jun 2021 untuk memulakan operasi.

Untuk makluman semua, pihak UniSZA tidak mempunyai punca kuasa mutlak untuk menentukan siapa penerima vaksin. Senarai penerima vaksin diuruskan secara bersepadu oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV). Secara polisinya, penerima vaksin di seluruh Malaysia adalah berpandukan kepada Pelan Vaksinasi Negara yang terbahagi kepada tiga fasa. Fasa pertama melibatkan pemberian vaksin kepada petugas barisan hadapan, Fasa kedua pula dikhususkan kepada golongan berisiko tinggi seperti warga emas, mempunyai sejarah penyakit kronik, dan golongan kelainan upaya, manakala fasa ketiga akan mensasarkan golongan berumur 18 tahun dan ke atas. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) bersetuju untuk memberikan laluan kepada staf UniSZA yang berisiko atas penilaian pihak UniSZA.

**Boleh YBrs. Dr. nyatakan jumlah sasaran pemberian vaksin dalam masa sehari di PPV UniSZA dan adakah bekalan vaksin diterima terus daripada pihak *COVID*-19 Immunisation Task Force (CITF) atau melalui pihak JKNT?**

Walaupun pada peringkat awal kita tidak ada kelulusan daripada CITF, namun kita telah memulakan program PPV ini seawal 6 Jun 2021 di Stadium Tertutup Gong Badak yang dikendalikan oleh pasukan UniSZA dengan permulaan 200 suntikan vaksin pada minggu pertama. Kemudian pada minggu kedua pada 13 Jun 2021, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu telah memberi agihan vaksin sebanyak 150 suntikan vaksin sehari. Kini, kita beroperasi dengan 750 suntikan sehari bagi dos pertama dan 200 suntikan untuk dos kedua. UniSZA juga telah dikunjungi oleh Pengarah Kesihatan

Negeri Ketika itu iaitu Dr. Nor Azimi Yunus dan dimaklumkan UniSZA bakal diberikan penambahan dos dengan jumlah 1,500 dos dan kemudian sekitar Ogos ini, kita akan beroperasi secara maksimum sebanyak 3,000 dos sehari. Bila kita memasuki jumlah 3,000 dos sehari, sebenarnya kita sudah memasuki ke fasa ketiga dalam Pelan Vaksinasi Negara.

Peringkat seterusnya pula ekoran daripada desakan masyarakat Malaysia, kita akan berikan keutamaan kepada petugas barisan hadapan kategori penghantar makanan seperti *Grab Food, Food Panda* dan sebagainya. Di Terengganu, dalam pertengahan bulan Julai kita memulakan pemberian suntikan fasa ketiga iaitu golongan berumur 18 tahun dan ke atas dan tamat sahaja fasa ketiga, golongan lebih muda akan mendapat vaksin. Sekarang ini kenapa kita masih belum lagi menjalankan suntikan fasa keempat, sebabnya tiada lagi kajian yang berkaitan keselamatan vaksin kepada golongan berumur kurang dari 14 tahun dijalankan. Jika sudah ada bukti dan kesahihanya, pemberian vaksin fasa keempat akan dilangsungkan secara *walk-in* sahaja seperti vaksinasi BCG yang diberikan kepada masyarakat sebelum ini.

**Selain pemberian vaksin di PPV UniSZA, adakah UniSZA turut merancang untuk menjalankan program pemberian vaksin secara pandu lalu dan bergerak bagi memastikan lebih ramai masyarakat menerima vaksin dalam satu-satu masa?**

Sebenarnya perancangan asal UniSZA adalah untuk menyediakan perkhidmatan pemberian vaksin secara menyeluruh iaitu secara statik di Dewan Al Muktafil Billah Shah dan secara bergerak. Walau bagaimanapun pihak JKNT telah menyarankan agar diberi perhatian khusus kepada program pemberian vaksin statik terlebih dahulu kerana bekalan vaksin masih lagi terhad sehingga pertengahan bulan Julai 2021. Lagipun perkhidmatan ini masih menunggu kelulusan secara rasmi daripada CITF persekutuan. Sementara menunggu kelulusan, pasukan bergerak UniSZA yang diketuai oleh Prof. Dr. Harmy selaku Dekan Fakulti Perubatan telah menjalinkan kerjasama dengan PKD Kuala Terengganu dan pelbagai agensi berkaitan telah mengadakan Program Jejak Vaksin UniSZA "Jom Vaksin Awok Kiter". Jadi setakat yang sedia maklum, dua program telah berlangsung dengan kerjasama pejabat daerah Kuala Terengganu dan Pusat Kesihatan daerah Kuala Terengganu dengan bantuan wakil-wakil masyarakat termasuk DUN. Program pertama yang telah dilaksanakan ialah di Sekolah Kebangsaan Kesom melibatkan sejumlah 600 warga setempat yang divaksin. Kedua, program ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Belara yang melibatkan seramai 500 orang divaksin.

**Berkenaan dengan sukarelawan dalam kalangan kakitangan dan pelajar UniSZA yang berkhidmat di PPV UniSZA, berapakah jumlah mereka setakat ini dan bagaimanakah ia akan membantu meningkatkan lagi kecekapan pemberian vaksin kepada masyarakat?**

Sukarelawan sangat penting untuk pengoperasian PPV. Mereka merupakan tulang belakang dalam memastikan kelancaran perjalanan operasi pemberian vaksin. Sehingga kini ramai staf UniSZA yang berdaftar dengan sukarelawan MyVax termasuklah para pelajar. Pendaftaran adalah secara dalam talian dan diselaraskan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Sehingga kini pihak KBS telah menyalurkan seramai 20 orang sukarelawan sehari untuk membantu operasi PPV. Urusan sukarelawan ini turut dikendalikan oleh pihak MOSTI kerana segala dana dan peruntukan elaun disediakan oleh pihak mereka. Dengan adanya program sukarelawan ini ia dapat membantu memastikan urusan di PPV berlangsung dengan lancar seperti pelanggan dapat mengisi borang dengan betul, menunjuk arah dan membantu pelanggan yang memerlukan bantuan khas seperti kerusi roda dan hal-hal lain. Di samping itu, ramai juga staf UniSZA yang datang menyumbang tenaga dalam memastikan kelancaran PPV. Saya berasa sangat berbangga atas pertolongan sukarelawan ini sama ada pihak luar mahupun kakitangan serta pelajar di UniSZA ini. Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat.

**Pada pandangan YBrs. Dr, adakah staf dan masyarakat sekitar dibenarkan untuk menjadi penerima vaksin secara *walk-in* dan adakah senarai menunggu disediakan di PPV UniSZA?**

Sebenarnya negeri Terengganu masih dalam fasa kedua program pelaksanaan vaksinasi kebangsaan iaitu berfokuskan kepada golongan yang berisiko seperti ketetapan KKM. Justeru, masyarakat sekitar tidak dibenarkan untuk datang ke PPV IPT UniSZA secara *walk-in*. Sebenarnya kita sudah menyediakan senarai pemberian vaksin secara sistematik kepada beberapa golongan berkeperluan, jika dibenarkan pengambilan vaksin secara *walk-in*, maka ia akan menggunakan peruntukan vaksin untuk golongan sasar yang berisiko tersebut. Perkara ini akan menyebabkan golongan ini tidak mendapat vaksinasi dalam jangka waktu yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dan boleh menyebabkan pelan vaksinasi negara tergendala.

Walau bagaimanapun, bukan semua yang mendapat temu janji melalui MySejahtera dapat hadir untuk suntikan vaksin. Justeru, pihak pengurusan data menyediakan senarai menunggu yang juga mematuhi syarat golongan fasa kedua di samping para pelajar untuk memastikan pemberian vaksin dapat dilakukan dengan sempurna mengikut pelan vaksinasi negara. Hal ini kerana penerima vaksin dalam senarai menunggu mesti hadir dalam masa yang singkat untuk vaksinasi. Insya-Allah jika dibenarkan oleh pihak kerajaan, pemberian vaksin secara *walk-in* dapat dibuat setelah semua golongan sasar yang berisiko telah menerima vaksin. Ini akan mempercepatkan lagi proses pemberian vaksin kepada semua rakyat Malaysia khasnya di negeri Terengganu. Selain itu, perancangan akan datang juga adalah dengan menggabungkan pemberian vaksin untuk sekali suntikan sahaja dan jika berjaya dijalankan, kumpulan sasar adalah kepada penduduk pedalaman dan kawasan yang sukar untuk ke PPV.

**Menurut pendapat YBrs. Dr., bilakah negara ini akan mencapai tahap 80 peratus imuniti kelompok dan bagaimana tahap yang telah ditetapkan itu dapat membendung wabak COVID-19? Dari sudut pematuhan SOP pula, adakah rakyat negara ini masih perlu mengikuti SOP yang telah ditetapkan setelah mereka menerima suntikan vaksin?**

Dengan usaha yang berterusan dan kesungguhan para petugas barisan hadapan serta sokongan kerajaan yang padu telah membuahkan hasil yang boleh kita semua banggakan. "Lindung Diri, Lindung Semua" adalah tema utama bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang menekankan bahawa perlindungan kepada semua rakyat Malaysia hanya akan dapat dicapai jika kita dapat mevaksin seramai penduduk yang layak. YB Menteri MOSTI memaklumkan bahawa Malaysia telah mencapai tahap pemberian vaksin yang lebih awal dari yang dijangkakan. Perancangan awal kerajaan adalah vaksinasi akan melebihi 60 peratus pada bulan Februari 2022. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh pembukaan banyak PPV, ia telah dipendekkan kepada akhir Oktober 2021. Saya yakin dan percaya akan keupayaan barisan jentera memerangi COVID-19 negara yang diketuai oleh YB Menteri MOSTI akan mencapai tahap 80 peratus imuniti kelompok pada akhir tahun jika tiada masalah dengan bekalan vaksin antarabangsa.

Pemberian vaksin akan meningkatkan sistem imuniti dan sebarang jangkitan COVID-19 hanya berkemungkinan akan menyebabkan gejala ringan atau tidak bergejala langsung. Hal ini kerana sistem pertahanan badan telah tersedia dan dapat menentang sebarang jangkitan kuman COVID-19. Apabila setiap individu mengambil vaksin, maka mereka akan dapat melindungi orang di sekeliling daripada sebarang jangkitan yang mungkin dibawa. Bayangkan jika majoriti rakyat Malaysia mengambil suntikan vaksin, kita dapat membina rangkaian perlindungan yang juga dapat melindungi kumpulan yang tidak layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dan perempuan mengandung. Melindungi orang yang tersayang bermula dengan anda menerusi vaksinasi. Apabila sekurang-kurangnya 60 peratus populasi telah divaksin, kita akan dilindungi secara keseluruhan.

Pelbagai cabaran telah dilalui untuk membasmi kemiskinan selain daripada DEB yang dirangka dengan matlamat jangka panjang untuk menstrukturkan kembali masyarakat di Malaysia. Sehingga kini, kadar kemiskinan negara menunjukkan penurunan yang memberangsangkan. Namun, harus diteliti bahawa kemiskinan di Malaysia masih diukur dengan kemiskinan mutlak iaitu garis kemiskinan berdasarkan garis pendapatan isi rumah. Sehubungan dengan itu jika dirujuk kepada Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) pada tahun 2013 dan Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia, menunjukkan kesungguhan kerajaan meningkatkan tahap kesejahteraan hidup rakyat tanpa mengira kaum. Walaupun indeks kesejahteraan hidup menunjukkan peningkatan, tetapi isu yang berkaitan dengan miskin bandar masih lagi wujud. Kesejahteraan sosial merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh semua individu, keluarga, komuniti dan negara kerana ia merupakan elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti atau negara (Mahadzirah et. al. 2015). Selain itu, kemiskinan juga memberi kesan langsung kepada keupayaan modal insan. Kajian yang telah dijalankan oleh Subhi, Mohamad, Sulehan, Ali dan Bakar (2016) mendapati bahawa pendidikan adalah agen terbaik dalam usaha mengubah status, ekonomi keluarga. Menurut Zin dan Tambi (2018), untuk mengatasi isu kemiskinan bandar dan kesannya terhadap pembangunan, pendidikan golongan 'lewat kembang' perlu diperkenalkan seperti memberi pendidikan yang lebih terbuka dan meluas dengan mengikut skala kemampuan yang dimiliki oleh mereka seperti; pendapatan isi rumah, berdekatan kawasan tempat tinggal dan keupayaan perkhidmatan pengangkutan awam yang mudah. Kajian lepas juga mendapati modal sosial memainkan peranan penting dalam menangani kemiskinan bandar. Dapatan kajian menunjukkan modal sosial dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat seperti kajian oleh Dinda (2014), Lumintang (2015) dan Zolkifeli & Amin (2018) merumuskan terdapatnya pengaruh modal sosial terhadap kualiti hidup. Kajian yang telah dijalankan oleh Jayasooria (2016) mendapati 54 peratus daripada kumpulan B40 di negara ini menetap di kawasan bandar dan dikenali sebagai golongan miskin bandar. Jumlah miskin bandar tersebut juga direkodkan seramai 65 peratus yang

mendiami kawasan bandar (Siwar et al. 2019). Keadaan ini menunjukkan terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kewujudan golongan miskin bandar seperti migrasi antara masyarakat luar bandar ke kawasan bandar, proses urbanisasi dan taraf pendidikan yang rendah (Wilson & Aponte 1985; Ravallion 2007; Rashid & Ab Ghani 2007; Zin & Tambi 2018).

Cabaran yang dihadapi dalam menghadapi isu pertambahan miskin bandar ini adalah kerana perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat tidak dapat ditangani dengan berkesan. Ketiadaan suatu pengukuran komprehensif yang mengambil kira pelbagai faktor ukuran kepada miskin bandar menyebabkan isu ini tiada kesudahan. Justeru, perlu kepada suatu pembentukan kerangka model adaptasi perubahan sosial yang merangkumi aspek kesejahteraan sosial, modal insan dan model sosial yang menyeluruh agar dapat dijadikan pengukuran kepada mewujudkan kelestarian kehidupan golongan miskin bandar. Pembentukan model adaptasi perubahan sosial dapat menyumbang kepada pembentukan polisi berkaitan dengan pembangunan sosial khususnya golongan miskin bandar supaya mereka tidak terpinggir kesan perubahan sosial akibat modernisasi yang berlaku. Model ini dapat menghasilkan indeks perubahan sosial yang boleh menjadi petunjuk kepada golongan miskin bandar dalam kelestarian hidup akibat daripada modernisasi dan urbanisasi. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Dengan kata lain, ia memberi fokus merapatkan jurang pendapatan antara negeri, golongan kaya dengan miskin serta bandar dan luar.

Di samping itu, pengukuran kaedah kemiskinan multidimensi iaitu ukuran kemiskinan pelbagai dimensi atau IKM (Gopal et al. 2021) perlu diaplikasikan kerana kelebihannya mengenal pasti indeks miskin bandar dengan lebih menyeluruh. Pengukuran multidimensi meliputi pengukuran secara material seperti pendapatan, perumahan, kesihatan, perhubungan dan bukan material seperti emosi, psikologi dan kerohanian (Gopal 2013). Melalui pendekatan ini ia dapat mengenal pasti kadar kemiskinan secara tepat daripada pelbagai perspektif malah sesuatu program atau pemberian insentif pembasmian kemiskinan dapat dikenal pasti penyaluran insentif dengan tepat kepada kumpulan sasaran. Bagi menzahirkan kelestarian hidup kalangan miskin bandar, konsep kelestarian perlu diseimbangkan antara ekosistem alam sekitar dengan kesejahteraan hidup. Konsep yang mendasari prinsip kelestarian iaitu pembangunan sosial, ekonomi dan alam sekitar perlu dijadikan asas dalam pembentukan komuniti lestari dengan mengambil kira perubahan sosial yang berlaku seiring dengan perkembangan ekonomi dan teknologi yang bergerak pantas.

## Kesimpulan

Bagi menangani kelestarian hidup golongan miskin bandar, faktor yang mempengaruhi perubahan sosial perlu ditangani dengan menyeluruh supaya segala perancangan dan tindakan yang dilaksanakan dalam meningkatkan kesejahteraan hidup miskin bandar dapat dilakukan menepati sasaran golongan yang sememangnya memerlukan perhatian dan bantuan. Ketiadaan suatu pengukuran yang bersifat multidimensional dalam menentukan indeks kemiskinan, menyebabkan isu miskin bandar ini sentiasa terkesan sekiranya berlaku perubahan sosial dalam masyarakat. Dengan adanya pengukuran kemiskinan multidimensional bersifat dinamik yang menekankan aspek peningkatan kualiti hidup seperti aspek kesihatan, pendidikan, perumahan, taraf hidup, akses kepada maklumat dan pendapatan bulanan isi rumah akan dapat membantu pihak yang bertanggungjawab dalam merancang dan mengenal pasti golongan ini dengan lebih berkesan lagi. Pemahaman kepada konsep perubahan sosial perlu kepada kajian lanjutan kerana perubahan kepada faktor persekitaran memerlukan penelitian dimensi baharu yang perlu diterokai seperti kesejahteraan sosial, modal sosial dan modal insan. Pembentukan kerangka adaptasi perubahan sosial ini adalah bersesuaian dengan mengambil kira faktor dalaman sistem sosial dan faktor kefungsian sosial yang dapat menjadi garis panduan kepada pembentukan komuniti lestari golongan miskin bandar. Di samping itu, dalam menangani kemiskinan bandar, pihak berkepentingan perlu meningkatkan peranan memperkasa dan mempertingkatkan daya tahan golongan miskin bandar melalui pembangunan modal insan seperti latihan, kursus dan program penerapan sikap serta minda positif ingin berubah kepada kehidupan yang lebih baik agar mereka ini tidak lagi berada dalam lingkaran kemiskinan.

## Rujukan

Aini, K. 2010. Kajian kemiskinan bandar dalam kalangan penduduk Melayu di Flat Sri Pinang, Georgetown, Pulau. Pinang. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.

Alatas, S.F. 2017. Ibn Khaldun (1332–1406). In *Sociological Theory Beyond the Canon*. London: Palgrave Macmillan.

Dinda, S. 2014. Inclusive growth through creation of human and social capital. *International Journal of Social Economics*, *41*(10): 878–895. https://doi.org/10.1108/IJSE-07-2013-0157.

Fajar, A. S. M. 2018. Perspektif Ibnu Khaldun tentang perubahan sosial. *SALAM: Jurnal Sosial dan Budaya Syar-i*, *6*: 1-12.

Gopal, P. S. 2013. Urban poverty among Indians in Penang: A study on nonmaterial causes. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.

Gopal, P. S., Rahman, M. A. A., Malek, N. M., Singh, P. S. J., & Hong, L. C. 2021. Kemiskinan adalah satu fenomena multidimensi: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *6*(1): 40-51.

Hawley, A. H. 1978. The presidential address: Cumulative change in theory and in history. *American Sociological Review*, 43(6): 787-796.

Jayasooria, D. 2016. Sustainable development goals and social work: Opportunities and challenges for social work practice in Malaysia. *Journal of Human Rights and Social Work*, *1*(1): 19-29.

Kartini Aboo Talib@Khalid. 2016. Dilema kemiskinan: Falsafah, budaya dan strategi. *Akademika*, 86 (2): 65-78.

Katiman, R. 1988. *Pengantar Geografi Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalid, H. N. 2012. Satu Analisis mengenai dikotomi antara kemiskinan bandar dan luar bandar di Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, *4*, 1.

Lauer, R. H. 1982. *Perspectives on Social Change*. Allyn & Bacon.

Lumintang, J. 2015. Pengaruh perubahan sosial terhadap kemajuan pembangunan masyarakat di Desa Tara-tara I. *E-Journal Acta Diurna*, *4*(2); 1–4.

Mahadzirah, M., Azman, N., Ali, M., Harmy, M. Y., & Fazida, K. 2015. A conceptual model of perceived social support, maqasid syariah quality of life and health status. In International Conference on Addiction Science (ICAS 2015*)*, 8-9 June 2015, Universiti Sultan Zainal Abidin.

Paim, L., Haron, S.A. & Aini, M.S. 2009. *Penggunaan Lestari: antara Realiti dan Cabaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.

Rashid, M. F. A., & Ab Ghani, I. 2007. Migrasi dan kemiskinan bandar: Suatu kajian literatur. Seminar Kebangsaan Pembangunan Persekitaran & Masyarakat.

Ravallion, M. 2007. Urban Poverty. *Finance & Development*, *44*(003).

Sarani, A. S. 2008. Kehidupan Berkualiti. In: Ab Majid, M. Z. et al. *Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah.

Siwar, C., Damanhuri, N. A., & Aziz, S. A. A. G. 2011. Rancangan pembangunan Malaysia: Isu tukar-ganti (trade-off) antara pertumbuhan dengan kelestarian. *International Journal of Management Studies*, *18*: 7-33. https://doi.org/10.32890/ijms.18.2011.10211.

Siwar, C., Ismail, M. K., Alias, N. A. & Zahari, S. Z. 201). Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40) di Malaysia: Mengenal Pasti Trend, Ciri, Isu dan Cabaran. 33 - 50.

Subhi, N., Mohamad, M. S., Sulehan, J., Ali, M., & Bakar, N. R. A. 2016. Kepentingan motivasi pendidikan dalam pemerkasaan komuniti pribumi (The importance of motivation in education in empowering indigenous community). *Jurnal Psikologi Malaysia*, *30*(2).

Unit Perancang Eknomi, Jabatan Perdana Menteri. 2020. Bilangan Isi Rumah mengikut Kumpulan Etnik, Strata dan Negeri, Malaysia, 1995 – 2019, Putrajaya.

Wilson, W. J., & Aponte, R. 1985. Urban Poverty. *Annual Review of Sociology*, *11*(1): 231-258. https://doi.org/10.1146/annurev.so.11.080185.001311.

Wratten, E. 1995. Conceptualizing Urban Poverty. *Environment and Urbanization*, *7*(1):11-38. Zamhari, S. K., & Perumal, C. 2016. Cabaran dan strategi ke arah pembentukan komuniti lestari (Challenges and strategies towards a sustainable community). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, *12*(12): 10–24.

Zin, N. A. M., & Tambi, N. 2018. Faktor kemiskinan bandar terhadap pembangunan pendidikan golongan lewat kembang (Factors of urban poverty towards the development of late bloomer's education). *Jurnal Psikologi Malaysia*, *32*(3): 119-130.

Zolkifeli, Z., & Amin, A. 2018. The effects of social capital and mental health on quality of life among low-income group in urban areas in east coast of Peninsula Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(8): 904–909.

# Landskap Baharu Pengajaran dan Pembelajaran dalam Mendepani Era Pandemik COVID-19

Muhammad Hafizi Rozali
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
hafizirozali@unisza.edu.my

Wabak Coronavirus 2019 atau lebih dikenali sebagai COVID-19 merupakan suatu penyakit baharu yang disebabkan oleh novel coronavirus (CoV) yang kini dikenali sebagai *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2* (SARS-CoV-2). Jangkitan wabak ini menyebabkan pesakit menghidapi simptom seperti demam, batuk kering, kesukaran bernafas dan keletihan (Xuetao Cao 2020). Bahkan lebih teruk lagi, wabak ini boleh membawa kepada kompilasi yang serius dan mengakibatkan kematian. Sehingga rencana ini ditulis, seramai 4,010,834 kematian telah dilaporkan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan angka ini kian bertambah dari hari ke hari. Justeru pada Januari 2020, kesan daripada situasi ini pihak WHO secara rasminya telah mengisytiharkan wabak COVID-19 sebagai Kecemasan Kesihatan Awam Antarabangsa dan juga sebagai global pandemik.

Selaras dengan pengisytiharan ini, Kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memutuskan penularan wabak COVID-19 daripada terus merebak. PKP yang dikuatkuasakan merangkumi penutupan institusi pendidikan dari peringkat sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi di seluruh negara. Akibatnya, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang diamalkan secara konvensional sebelum ini terpaksa dihentikan dalam tempoh kawalan pergerakan ini. Pelbagai inisiatif dilakukan oleh pihak Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT) dan pihak pengurusan universiti mahupun sekolah bagi memastikan proses PdP pada peringkat sekolah dan institut pengajian tinggi tetap berlangsung walaupun tidak secara bersemuka.

Jika sebelum ini, PdP secara bersemuka merupakan langkah terbaik untuk memberikan kefahaman kepada pelajar, namun berhadapan dengan suasana pandemik ini, warga pendidik tiada pilihan lain melainkan dengan mengubah cara PdP mereka selari dengan arus kemodenan iaitu dengan memanfaatkan penggunaan platform digital yang berada di sekeliling mereka secara sepenuhnya.

Justeru, konsep pembelajaran dalam talian atau *vitual learning* (pembelajaran maya) secara sepenuhnya telah diperkenalkan kepada seluruh warga pendidik. Senario ini telah memberikan perubahan yang besar terhadap penggunaan platform digital secara meluas (Mohd Fairuz Jafar et al. 2020). Penggunaan platform ini merupakan pilihan yang terbaik sebagai alternatif kepada PdP berbentuk fizikal yang terpaksa ditangguhkan oleh warga pendidik dan pelajar sepanjang tempoh PKP. Hal ini sekali gus menyahut penuh seruan KPT yang menyeru warga pendidik dan pelajar untuk terus berkomunikasi melalui pelantar dalam talian sebagai alternatif PdP bagi membimbing murid dalam pembelajaran (Rafiee Jamian et al. 2020).

Memandangkan proses PdP secara bersemuka tidak dibenarkan pada waktu pandemik ini, institusi pendidikan kini tiada pilihan lain melainkan menggunakan kaedah PdP secara dalam talian sepenuhnya bagi memastikan sukatan pembelajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin di samping sesi pembelajaran tidak ditangguhkan dalam tempoh yang lama. Kaedah ini hakikatnya memudahkan warga pendidik untuk berinteraksi dengan para pelajar tanpa batas masa dan ruang. Hal ini sepertimana yang disebutkan oleh Zahiah et.al (2010):

> Komputer dan teknologi Internet membantu meningkatkan keupayaan pembelajaran dan perkembangan profesionalisme individu. Internet memberi peluang kepada setiap orang meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai cara. Malah ia membantu sistem masyarakat ke arah perkongsian maklumat.
>
> (Zahiah et.al 2010)

Kini PdP norma baharu secara dalam talian sudah menjadi keperluan dan bukan lagi satu pilihan. Ia merupakan satu keperluan penting dalam pendidikan Revolusi Industri 4.0 untuk generasi kini. Pertemuan secara dalam talian melalui pelbagai platform seperti *Skype, Google Hangout, Google Meet, Zoom, WhatsApp* dan lain-lain platform yang sesuai boleh digunakan bagi mewujudkan sesi interaksi dan pembelajaran antara pelajar dan pensyarah (Nor Aidawati Abdillah & Mazidah Musa 2021).

Walaupun diakui bahawa platform-platform ini masih dianggap baharu oleh sesetengah warga pendidik dan pelajar, namun ia sepatutnya tidak boleh dijadikan sebagai penghalang untuk tidak menggunakannya. Warga pendidik dan pelajar pada era globalisasi dan pandemik ini seharusnya menanamkan kemahiran teknologi maklumat dan segera membiasakan diri dengannya supaya aktiviti PdP dapat dilaksanakan secara berkesan. Menyedari cabaran ini, warga pendidik mesti mengubah cara mereka bekerja. Mereka tidak boleh lagi berada dalam takuk pembelajaran konvensional buat masa ini. Pengetahuan berkaitan teknologi perlu dijadikan sebagai teman setia bagi membantu proses PdP yang diadakan bersama pelajar. Pendedahan kepada teknik pengajaran dalam talian perlu dipelajari oleh pendidik supaya ilmu mudah disampaikan dan difahami oleh pelajar (Muniroh Hamat et al. 2020). Hal yang sama juga perlu ditanamkan dalam diri pelajar. Kemahiran berkaitan teknologi maklumat serta penggunaan platform digital sangat diperlukan bagi memastikan pelaksanaan PdP secara dalam talian ini dapat dilaksanakan secara efektif.

Kesimpulannya, pandemik COVID-19 yang melanda negara ketika ini tidak seharusnya dilihat dari sudut musibah yang melanda semata-mata. Perspektif yang positif serta hikmah di sebalik pandemik ini juga perlu dizahirkan. Tidak boleh dinafikan, pandemik ini telah menjadi salah sebuah agen transformasi yang dominan bagi negara ini. Ia telah mengubah kehidupan masyarakat secara sepenuhnya. Dalam aspek pendidikan, pandemik ini secara radikal telah mengubah sistem pendidikan Malaysia daripada berbentuk konvensional kepada dalam talian. Hal ini sekali gus dapat memacu usaha negara dalam merealisasikan Lonjakan Kesembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 yang menyatakan usaha untuk mengarusperdanakan Pembelajaran dalam Talian Tahap Global.

## Rujukan


Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang. 2020. Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19. Kertas kerja Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan (SEDAR'20).

Muhammad Nazri Abdul Rahman, Mohd Nazri Hassan & Siti Nurashiken Md Sabuddin. 2020. COVID-19: Kecenderungan meneruskan penggunaan platform pembelajaran atas talian dalam kalangan guru pra perkhidmatan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. International Conference on Educational Research (InCER 2020). Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam.

Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'ng Pei Eng. 2020. Adaptasi pengajaran dan pembelajaran secara maya dalam kebiasaan baharu semasa pandemik COVID-19. *Creative And Innovative Teaching Practices During Covid-19 Movement Control Order (MCO)*, 1: 23-30.

Nor Aidawati Abdillah & Mazidah Musa. 2021. Kesediaan pelajar terhadap proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) norma baharu di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). *International Journal of Modern Education (IJMOE),* 3(8): 114-124.

Rafiee Jamian, Nurul Hafizah, Zainal Abidin & Roslah Arsad. 2020. Analisis deskriptif bagi penggunaan aplikasi Quizizz ke atas guru dalam penilaian prestasi murid bagi subjek matematik. *Mathematical Sciences and Informatics Journal (MIJ),* 1(2): 87-97.

Xuetao Cao. 2020. COVID-19: Immunopathology and its implications for therapy. *Nature Reviews Immunology* 20: 269.

Zahiah Kassim & Abdul Razzaq Ahmad. 2010. E-Pembelajaran: Evolusi internet dalam pembelajaran sepanjang hayat. Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010.

# Sustainable Cultural and Heritage Communication Through Digital Learning Technologies

Muhamad Fazil Ahmad, PhD
Arts and Heritage Centre
mfazilahmad@unisza.edu.my

In the 21st century, we experience a society in which digital technologies are deeply rooted in our everyday lives and people are expected to be individuals that are producers rather than mere users. That means digital literacy and technology savvy skills become vital in an economic, social and environmental situation that is technology-driven, no matter what people's professional goals in life are (Alexander et al. 2017; Anderson & Rainie 2018).

With the advancement of technology, life changes rapidly, and the COVID-19 pandemic has accelerated this tremendously. The closures, restrictions imposed, social distancing, and the limitation of access to physical arts and heritage places due to the COVID-19 pandemic have led to changes in lifestyle, different types of travel styles, and an increase in the use of technology in the creative arts sector (Chan et al. 2020). Thus, the use of technology in creative arts is no longer seen as a choice; on the contrary, it has become an essential means of survival for the artists and the industry.

The COVID-19 pandemic altered not only our lives but also our perceptions of the value of digitisation. Having internet access and the content to view became even more vital during the time of major 'lockdowns'. Many people have used digital information for the first time in their daily lives, such as paying bills or online shopping. Many businesses also attempted to adapt to the digital market. The cultural institutions found themselves in a similar scenario. The pandemic taught us the value of being digitally prepared. Among the preservation goals, digitising cultural heritage must expand its accessibility (Raimo et al. 2021).

Today, it has been demonstrated that there are defective products available in digital form. From a cultural standpoint, technology allowed us to visit major cultural and historical landmarks even during the pandemic. The number of visitors to digital platforms implies that there is widespread interest in these data. Not only is it critical to maintain digitisation, but it is also critical to incorporate improvements to the present digitisation processes. For example, it would be reasonable to assume that all real-world items could be scanned and rendered in 3D. (e.g., not to digitise sculpture as a 2D image). Furthermore, future generations are likely to anticipate more from virtual tours, such as all tours and things being available in VR format (Pintore et al. 2020).

## Digital Learning Role of Cultural and Heritage Communication Conservation

The importance of digitalisation in everyday life has become more apparent due to the COVID-19 pandemic (Vargo et al. 2021). Digitisation, on the other hand, is a process that is constantly improving. The issue to be answered is whether there is anything we can learn from this and contribute to a brighter tomorrow. Future generations will be able to benefit from the COVID-19 pandemic. The digitalisation of all publicly available material concerning COVID-19 could lead to the construction of databases, which could be extremely useful if a new pandemic arises in the future.

## Creating Interactive Programmes

It is not difficult to create an immersive online training module. Choose the proper elements based on your goals and target audience first, and the rest will fall into place. When it comes to learning, it's critical to pay attention. If you don't pay attention, you won't be able to process what you're learning. Your research environment has a significant impact on your engagement. Make sure you're conducting your study in a distraction-free environment free of television, music, and loud conversation. This often involves not being distracted by others. If you have a roommate, you might want to request some privacy from them. If you have children, ask a partner or a friend to watch them so you can concentrate on your job.

### Evaluating Information

Evaluating facts is an integral part of analytical thought, and it's something you can display in your assignments. Selecting suitable sources and knowing the strengths and shortcomings of the sources you use are also part of the evaluation process. This can be difficult at first since there is no one-size-fits-all checklist that can be applied to all sources of knowledge.

### Analysing Information

Pay attention to the information's source; Is the source well-known and reputable? Is the information being disseminated as propaganda? Keep an eye out for skewed data and flawed logic: a) Take note of similarities. b) Contrast data by putting two objects in opposition to demonstrate the differences. c) Identify gaps in the information. d) Do you have the information you need to solve the problem or make the decision? e) Relate pieces of information to establish relationships between and among them. f) Take note of emerging themes. g) Do you have the information you need to solve the problem or make the decision?

### Applying Information

Getting the opportunity to apply knowledge involves taking a definition and using it in real-life circumstances. Applying knowledge leads to a deeper understanding of the information because it transforms you from merely learning it to putting it to use. Here are five ideas for applying knowledge when critical thinking: 1. State the facts, 2. Know the rules or principles, 3. Ask questions, 4. Make judgments, and 5. Give examples.

### Understanding Information

When starting any information-based project, one of the first things you can do is find out what your personal information needs are. This may seem self-evident, but many of us take it for granted, we can make the mistake of assuming that we already know enough to proceed. As a result of this assumption, we could end up wasting time working with incomplete or obsolete knowledge. Information literacy refers to a collection of skills and principles that can assist us in deciding precisely what information we need in different situations.

### Memorising Information

This is when you try to recall a fact by associating it with more important details. A good example is when you need to recall a set of numbers and come up with different ways to remember each one. For instance, one digit could represent your year of birth, while another could represent the number of children you have.




Fig. 1. Digital Learning Role (DLR) of Cultural and Heritage Communication Conservation
Source: Ahmad, M.F. 2021, The Hang Seng University of Hong Kong, China

The cultural perspective introduced the symbolic and collective cognitive structures and shared knowledge that enables and benefits agents from interpreting the world and their behaviour. Within the broad spectrum of cultural theories, one subarea focuses on practices to understand social life. A technique generally could be a habit, expected action, or way of doing something. Several procedures may combine to form a single practice. Every practice, no matter how simple, has many meanings, sayings, and actions. We believe that arts and culture need more research related to providing digital

solutions that facilitate us. Preferably, these solutions should increase the interaction between the artist and the physical environment of the arts and cultural places. In addition, we believe that there is a need to conduct more research on the relationship between the Digital Learning Role (DLR) of Arts and Heritage Communication in the future. Digitalisation leverages digital technologies and data to transform digital learning roles and practices and value ecosystems. e.g., rural areas with fewer options to use online and offline cultural and heritage, to better understand how digital technology interacts with arts and heritage practices in different national contexts.

A shift in approaches towards greater sustainability of digital arts and heritage communication has resulted in more societies that support a sustainable way of living. Despite the challenges and constraints associated with doubt and uncertainty, we must aim for the possibility of developing sustainable living. Seeking the possible is an approach that is open to realities, diverse perspectives, and future opportunities. It is believed that with responsible use of cultural heritage communication, the cultural heritage sector has the potential to contribute to the enhancement of Sustainable Development Goals (SDG) 2030, the field having a reach that extends far beyond its own sector.

The increased focus on sustainability is expressed in various areas within the cultural heritage sector. It has a significant impact on cultural heritage communication, including the majority of the conservation professionals. Current research on material culture includes an investigation of theoretical perspectives on the circulation of material culture with heritage communication values such as authenticity and stability of materials. Research on how and why people form lasting relationships to things is a way to explore how preservation can be an alternative to circular living and consumption. Institutions and organisations have a great impact on the preconditions for cultural heritage communication, building bridges between academia, civil society, local communities, research, and policymaking. A shared ambition is to develop professional strategies that can enhance how heritage communication shapes the future and prepares the sector to meet other demands and expectations that a different future will place on heritage communication. The cultural heritage sector's capacity of pursuing SDG 2030 is increased with international programmes and tools, promoting global thinking for sustainable development (Kenterelidou & Galatsopoulou 2021).

The potential of international associations lies in the opportunities of using common resources strategically. Still, collaborative work on national or regional levels has alternative qualities and can sometimes be more accessible and practical. The profession of cultural heritage communication for conservation has formed strong professional networks, which have begun to promote the sustainable development of conservation practice in recent years. However, requirements for sustainable conservation procedures and new approaches to materiality are not always readily compatible with contemporary conservation theories. Examples of complications between sustainable development and conservation ethics are accessibility versus environmental impact, object care versus natural resources, and long-time preservation versus reduction of costs. Working procedures within cultural heritage communication must be reviewed and improved to develop a more sustainable cultural heritage communication field. Conservation procedures are strongly related to the environment and health, and the professional cultural heritage communication conservator has a significant impact on the overall communication of cultural heritage. Thus, the cultural heritage communication conservator can contribute to sustainable development in various ways.

## References


Alexander, B., Becker, S. A., Cummins, M., & Giesinger, C. H. 2017. *Digital Literacy in Higher Education, Part II: An NMC Horizon Project Strategic Brief*. The New Media Consortium.

Anderson, J., & Rainie, L. 2018. The future of well-being in a tech-saturated world. *Pew Research Center*.

Chan, H. F., Skali, A., Savage, D. A., Stadelmann, D., & Torgler, B. (2020). Risk attitudes and human mobility during the COVID-19 pandemic. *Scientific Reports*, *10*(1):1-13.

Kenterelidou, C., & Galatsopoulou, F. 2021. Sustainable biocultural heritage management and communication: The case of digital narrative for UNESCO Marine World Heritage of outstanding universal value. *Sustainability*, *13*(3): 1449.

Pintore, G., Mura, C., Ganovelli, F., Fuentes-Perez, L., Pajarola, R., & Gobbetti, E. 2020. State-of-the-art in Automatic 3D Reconstruction of Structured Indoor Environments. *Computer Graphics Forum* 39(2): 667-699.

Raimo, N., De Turi, I., Ricciardelli, A., & Vitolla, F. 2021. Digitalization in the cultural industry: Evidence from Italian museums. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*.

Vargo, D., Zhu, L., Benwell, B., & Yan, Z. 2021. Digital technology use during COVID-19 pandemic: A rapid review. *Human Behavior and Emerging Technologies*, *3*(1): 13-24.

# ASTROFOTOGRAFI:
## MENCERAP KEINDAHAN ALAM SEMESTA

*Roslan Umar (Phd), Mohd Abid Azhar, Ahmad Najmuddin bin Zulkeflee, Muhammad Adib Muhamad Tzauazmi, Muhammad Zaid Mohd Roselan*

Astrofotografi merupakan sesuatu yang tidak asing lagi bagi para peminat dalam bidang astronomi. Teknik penggambaran yang digunakan untuk mengambil gambar objek samawi ini memerlukan kemahiran yang cekap serta peralatan yang bersesuaian. Di samping pemilihan tempat yang strategik, para peminat astrofotografi juga perlu mengetahui tarikh bagi kejadian-kejadian tertentu yang berlaku di langit.

Terdapat pelbagai peralatan yang boleh digunakan untuk mencerap dan mengambil imej fenomena astronomi sama ada yang sentiasa ada seperti galaksi, bulan, bintang atau yang berlaku mengikut tarikh tertentu. Pengamal astrofotografi boleh memulakan minat mereka dengan menggunakan telefon pintar sehinggalah peralatan yang digunakan oleh ahli yang profesional termasuk kamera *DSLR* (*Digital Single Lens Reflex*), kamera *MILC* (*Mirrorless Interchangeable Lens Camera*) dan juga bantuan optik tambahan seperti teleskop yang dilengkapi dengan lekapan (*mounting*). Antara kemahiran asas yang perlu dikuasai untuk menggunakan peralatan fotografi ini ialah pengetahuan mengenai tetapan kamera iaitu *shutter speed*, *aperture*, kawalan *ISO* yang sesuai serta dilengkapkan lagi dengan penggunaan aksesori pengukuhan seperti *tripod*.

Pemilihan tempat merupakan faktor terpenting dalam mendapatkan hasil astrofotografi yang sempurna. Terdapat beberapa kriteria yang diambil kira ketika memilih tempat untuk melaksanakan astrofotografi seperti tempat yang jauh daripada cahaya. Lagi jauh seseorang daripada sumber cahaya yang mencemarkan langit malam, peluang akan lebih tinggi untuk mendapatkan imej yang sempurna. Selain itu, tempat yang tinggi juga memainkan peranan untuk mendapatkan hasil yang baik bagi astrofotografi. Antara gangguan yang mungkin dihadapi oleh para pencerap langit ialah pencemaran cahaya, kegeloraan atmosfera dan kelembapan udara yang boleh menyebabkan hasil gambar kurang berkualiti.

Selain itu, pencerap juga dikehendaki untuk mengetahui maklumat mengenai tarikh, masa dan kedudukan fenomena yang rutin berlaku mahupun yang terjadi pada waktu dan tempat tertentu sahaja. Sebagai contoh, fenomena yang biasa berlaku ialah bulan penuh, anak bulan baharu, terbit dan terbenam matahari, bulan dan planet serta kedudukan buruj dan galaksi. Kebanyakan maklumat ini mudah diperoleh daripada aplikasi telefon pintar yang senang untuk dijadikan rujukan seperti *Sky Safari*, *SkEye*, *Star Chart*, *Stellarium* dan banyak lagi. Manakala fenomena yang tertentu seperti lintasan komet, hujan meteor, gerhana matahari dan bulan serta maklumat mengenai fenomena boleh didapati melalui laman sesawang rasmi seperti NASA (*National Aeronautics and Space Administration)*. Tidak semua fenomena dapat dilihat daripada kedudukan yang sama. Oleh itu para pencerap mesti sedia maklum mengenai kedudukannya dan fenomena apa yang mampu dilihat daripada langit di tempat mereka berada.

Di samping itu, terdapat juga beberapa aplikasi telefon pintar lain yang berguna untuk para pengamal astrofotografi seperti *Light Pollution Map* yang memberikan maklumat berkenaan kadar pencemaran cahaya untuk kawasan-kawasan tertentu. Selain itu, *Live Himawari Sattelite Image* turut mendapat sambutan kerana ia mampu memaparkan maklumat berkaitan pergerakan awan dan angin. Sementara itu, *Rain Alarm* memberikan maklumat berkenaan kawasan-kawasan yang dilanda hujan.

Misalnya, pada tahun 2020, laman sesawang rasmi NASA telah mengeluarkan senarai fenomena yang akan berlaku sepanjang tahun dan ia boleh didapati di pautan https://eclipse.gsfc.nasa.gov/SKYCAL/SKYCAL.html. Contohnya, hujan meteor pada bulan Januari, April dan Mei, kenampakan lintasan komet pada bulan Mei dan Julai serta gerhana pada bulan Jun dan Disember. Dengan maklumat yang diperolehi, pencerap boleh menentukan fenomena tersebut kelihatan di langit tempat mereka mencerap serta memilih kawasan dan penyediaan alat yang sesuai.

Penulis turut tidak melepaskan peluang untuk memburu kehadiran Komet *Neowise* yang mengorbit bumi bermula dari 13 hingga 31 Julai 2020. Gambar 1 merupakan



Gambar 1: Komet Neowise bergerak pantas membakar

hasil cerapan para penyelidik bersama penulis pada 22 Julai 2020 bertempat di Balai Cerap Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Merang, Terengganu. Persiapan yang rapi diperlukan untuk memburu komet yang berada beribu-ribu kilometer dari bumi dan dengan kedudukan yang sentiasa bergerak ditambah cabaran cuaca yang tidak menentu. Peralatan seperti kamera *MILC*, teleskop dan beberapa perisian seperti *SkySafari* untuk mengetahui lokasi komet dari sudut jarak hamal (RA) dan deklinasi (Dec) mesti dilakukan. Maklumat mengenai objek sasaran kemudiannya dilaraskan di dalam teleskop yang mempunyai mod penjejak. Kamera *MILC* yang telah dipasang pada teleskop sebaiknya dikawal melalui kawalan jauh (*remote*) untuk mengelakkan gegaran ketika mengambil gambar. Hasil yang telah diambil kemudiannya dimasukkan ke dalam perisian *Adobe Lightroom* atau *Adobe Photoshop* untuk proses menambahkan kualiti gambar.

Bagi sesetengah objek samawi yang lebih besar dan jelas seperti bulan, ia tidaklah sesukar seperti komet atau asteroid. Keberadaan bulan yang telah dijadualkan menjadikan ia mudah untuk dijangka dan hanya faktor cuaca yang mungkin menjadi halangan. Bahkan, ketika bulan penuh, pencerap hampir tidak memerlukan peralatan tambahan seperti teleskop kerana memadai dengan kamera *MILC* atau telefon pintar yang dimuatkan dengan teknologi pengimejan terkini yang disertakan dengan *tripod* bagi tujuan pengukuhan. Penulis paparkan Gambar 2 untuk menunjukkan contoh imej bulan yang diambil pada tanggal 3 Ogos 2020 bersamaan 13 Zulhijjah 1441H.



Gambar 2: Permukaan bulan dipenuhi kawah jelas kelihatan ketika bulan penuh



Gambar 3: Galaksi Bima Sakti di Balai Cerap KUSZA

Seterusnya, penulis turut berkesempatan mengambil gambar Galaksi Bima Sakti yang merupakan tempat sistem suria bumi berada (Gambar 3). Bima Sakti memiliki keluasan seluas 120,000 tahun cahaya dan dihiasi lebih daripada 300 bilion bintang. Dipercayai atau tidak, Gambar 3 diambil hanya dengan menggunakan *kamera MILC.* Dengan kaedah *stacking* (kaedah ini dilakukan dengan mengambil 10-20 keping imej statik dan digabungkan kesemuanya menghasilkan satu gambar berkualiti) dan menggunakan perisian *Sequator* serta penambahbaikan cahaya dalam perisian *Adobe Lightroom*, imej Galaksi Bima Sakti dapat dihasilkan dengan jelas.

Di samping itu, penulis juga berpeluang untuk melakukan cerapan Juraian Meteor Geminids pada 13 hingga 14 Disember 2020 di Balai Cerap KUSZA. Juraian meteor (*meteor shower*) ini berasal daripada *Asteroid 3200 Phaethon.* Ia dinamakan sebagai Geminids kerana meteor ini muncul daripada buruj Gemini yang memberikan gambaran sepasang kembar. Dianggarkan juraian meteor ini muncul di langit malam sekitar 120 meteor dalam tempoh satu jam. Gambar 4 menunjukkan hasil cerapan yang telah dilakukan dengan menggunakan kamera *MILC* dan *tripod*. Gambar tersebut adalah hasil *composite* empat keping imej dengan menggunakan perisian *Adobe Photoshop* dan ia ditambah baik dengan menggunakan perisian *Adobe Lightroom*.

Selain daripada sumber antarabangsa seperti NASA, negara kita juga mempunyai jabatan mufti negeri, universiti dan NGO yang konsisten dalam mengeluarkan Jadual Takwim atau Almanak Fenomena Astronomi tahunan seperti Gambar 5 di bawah. Gambar tersebut menunjukkan fenomena astronomi yang akan berlaku pada tahun 2021 yang telah disenaraikan oleh NASA dan telah ditambah baik dengan fenomena yang penting untuk umat Islam.

Kesimpulannya, astrofotografi menjanjikan pengalaman yang menarik dan sangat mengujakan buat para peminatnya. Dengan beberapa persediaan dan latihan, para pencerap boleh mengambil gambar jasad samawi yang terbentang indah di langit dengan baik dan menghasilkan imej yang berkualiti setanding mereka yang profesional. Dengan kemajuan teknologi yang berkembang pesat, bidang fotografi turut terkena tempias. Pada masa hadapan, para pencerap mungkin dapat menghasilkan imej bertaraf



Gambar 4: Juraian Meteor Geminids yang melintasi Balai Cerap KUSZA

profesional dengan hanya menggunakan telefon pintar. Sekiranya pendedahan diberikan di peringkat awal, masyarakat mungkin akan lebih cakna terhadap kesan pencemaran cahaya dan usaha untuk mengurangkan kadarnya. Secara tidak langsung, masyarakat akan lebih mensyukuri serta menikmati keindahan langit malam yang dihiasi dengan berjuta bintang, planet dan Bima Sakti, iaitu galaksi yang didiami sekarang ini.




Gambar 5: Contoh Takwim/Almanak Fenomena Astronomi Pada Tahun 2021

## Rujukan


Omar, Mahamarawi 2017. *Astronomi dan Astrofotografi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Redfern, G. I. 2020. *It's Astrophotography Time!. In Astrophotography is Easy!*. Cham: Springer.

Bennett, J. O., Donahue, M., Schneider, N., & Voit, M. 2014. *The Cosmic Perspective*. London: Pearson.

National Aeronautics and Space Administration 2021. *SKYCAL - Sky Events Calendar.* Retrieved from *https://eclipse.gsfc.nasa.gov/SKYCAL/SKYCAL.html*

Sea and Sky 2021. *The Sky*. Retrieved from http://www.seasky.org/astronomy/astronomy-calendar-2021.html

Time and Date 2021. *Astronomy Calendar.* Retrieved from https://www.timeanddate.com/astronomy/sights-to-see.html

Falak Online 2021. *Almanak Astronomi 2021*. Retrieved from http://falakonline.net/semesta/almanak-astronomi-2021-aa2021/

# ENAM PROJEK KELESTARIAN PELANCONGAN DAN DIGITAL

## TARIK MINAT KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UniSZA, Prof. Dr. Fadzli Adam diiringi enam Ketua Projek Kelestarian Pelancongan dan Digital negeri Terengganu telah mengadakan pembentangan projek penyelidikan bersama Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital, Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin Deraman pada 10 Mei di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.



Ketua Projek Terengganu sebagai Negeri Pelancongan Berteraskan Islam 2023: Pembinaan Standard Pelancongan Mesra Muslim Terengganu dan Pengaplikasiannya di Terengganu, Prof. Madya Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam merupakan pembentang pertama.




Pembentangan diteruskan oleh Dr. Mohd Ihsanuddin Abas dari Fakulti Perubatan. Beliau menumpukan kepada Kajian Kebolehlaksanaan Pelancongan Kesihatan di Negeri Terengganu. UniSZA juga menerapkan keunikan seni bina Terengganu melalui pembentangan penyelidikan Struktur Reka Bentuk Dalam Pembangunan Rumah Tradisional Melayu yang dibentangkan oleh Prof. TS. Dr. Saiful Bahri Mohamed dari Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi.

Bagi aspek digital, pembentangan merangkumi projek Pendigitalan Manuskrip Ulama Terengganu yang telah dibentangkan oleh Prof. Madya TS. Dr. Fatma Susilawati Mohamad dari Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam.

Sementara itu, pembentangan Pelancongan Maya Terengganu *(Virtual Tourism Terengganu)* oleh Prof. Ts. Dr. Mokhairi Makhtar telah memberi gambaran pengalaman pelancongan secara digital yang menyeronokkan kepada pelancong. Pembentangan terakhir berkaitan digital telah dibentangkan oleh Ketua Projek Bandar Pintar Kuala Terengganu, Dr. Azrul Amri Jamal.

Secara keseluruhannya, pembentangan yang dibuat oleh UniSZA untuk pembangunan pelancongan ini disambut baik oleh pegawai dan wakil kerajaan negeri Terengganu.

# 27 OKU Pekak

## Terima Suntikan Vaksin di UniSZA

Seramai 27 orang ahli Persatuan Orang Pekak Terengganu (POPT) telah menerima suntikan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) IPT (Integrasi) UniSZA. Program yang dilaksanakan pada 8 Julai itu merupakan kumpulan keempat daripada ahli persatuan yang telah menerima suntikan vaksin COVID-19 dan kira-kira 118 orang daripada 658 ahli telah berjaya menerima vaksinasi COVID-19. Presiden POPT iaitu Tengku Arman Haris Tengku Ismail, menjelaskan bahawa sebelum ini, seramai 30 orang telah menerima suntikan vaksin di PPV awam Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu, manakala 65 orang di PPV awam Terengganu Trade Centre dan 23 orang lagi di PPV awam Besut. Kesemua ahli POPT tersebut telah diiringi oleh beberapa orang sukarelawan yang bertindak sebagai pemudah cara bagi memudahkan komunikasi dengan urusetia PPV.

POPT juga kini masih dalam usaha mendaftarkan lebih ramai lagi ahli persatuan untuk mendapatkan vaksin COVID-19 dan ia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua ahli. Sehingga kini, kira-kira 50 ahli POPT dari daerah Kuala Nerus telah pun bersetuju mengikuti program vaksinasi dan sedang menunggu panggilan daripada pihak UniSZA. Pelaksanaan program ini juga mendapat sambutan baik dalam kalangan ahli POPT dan teruja untuk menerima suntikan vaksin ini. Meskipun begitu, terdapat juga segelintir ahli yang mengambil sikap tunggu dan lihat kerana risau dengan kesan sampingan yang akan diterima. Presiden POPT mengharapkan akan lebih ramai lagi dalam kalangan ahli bersikap terbuka dan yakin untuk menerima suntikan setelah ramai dalam kalangan rakan mereka berjaya mendapatkan suntikan vaksin tanpa sebarang kesan sampingan yang teruk.







# 'HIJAB GIRL'
## UNGGULI PERTANDINGAN FOTOGRAFI ANTARABANGSA



Foto bertajuk 'Hijab Girl' yang dipertaruhkan oleh Pereka Grafik dari Penerbit UniSZA, Wan Mohd Fadzli Wan Samsudin berjaya memenangi tempat pertama bagi kategori potret dalam pertandingan fotografi, 'The VII Jalón Ángel International Photography' yang dianjurkan oleh San Jorge University, Sepanyol. Beliau menewaskan 2,300 orang peserta dari 94 buah negara antaranya Sepanyol, Rusia, Iran, Perancis, India, Bangladesh, Argentina, Mexico, Colombia dan Itali.

Encik Wan Mohd Fadzli menyatakan bahawa beliau tidak menyangka hasil bidikan gambar yang memaparkan sekumpulan pelajar perempuan dari Maahad Darul Quran Rusila yang dirakamnya pada awal tahun 2019 itu berjaya menambat hati juri. Menurut Ecik Wan Mohd Fadzli lagi, beliau perlu menunggu sekitar setengah jam untuk mendapatkan waktu yang tepat untuk merakam gambar tersebut secara spontan.

Sementara itu berdasarkan komen juri, foto milik Encik Wan Mohd Fadzli layak dipilih sebagai pemenang pertama kerana memenuhi beberapa kriteria yang ditetapkan iaitu gambar mempunyai komposisi, kontra hitam dan putih serta menampilkan suasana yang disifatkan sebagai baharu dan masih asing dalam kalangan masyarakat di sana. Hal ini sekali gus melayakkannya menerima hadiah berupa wang tunai €1000 bersamaan RM4,921; trofi yang merupakan arca edisi terhad oleh artis Jesús García berserta sijil.

Tambahnya lagi, "Memandangkan terdapat persaingan sengit dalam pertandingan ini, saya mencuba nasib dan tawakal untuk menghantar sekeping gambar yang memaparkan sekumpulan gadis berhijab. Gambar ini dipilih kerana ia memiliki identiti kita sebagai orang Islam dan saya ingin mengetengahkannya," katanya yang turut merakam penghargaan atas sokongan individu di sekeliling terhadap minat dan kariernya itu.



Minat beliau terhadap bidang fotografi dapat diperlihatkan dengan kesungguhan beliau yang tidak pernah jemu untuk menghantar karya fotografi beliau di beberapa pertandingan sebelum ini. Beliau pernah memenangi tempat pertama dalam pertandingan FaveKad Malaysia Patriotism Photography Contest (2018), Top 10 Finalist of Photo-Creator of the Year 2016 di Kuala Lumpur Photography Festival (KLPF) serta Top 50 dalam IAMM International Photography Competition pada 2017. Bukan setakat itu sahaja, minat tersebut turut diterjemahkan oleh beliau dalam bentuk kerjaya sambilan sebagai seorang jurugambar dan tenaga pengajar bagi subjek kokurikulum fotografi di Universiti Malaysia Terengganu, Program Empower ECER Hulu Terengganu dan Program Empower ECER-UiTM Marang.

# Pesona Fm

## Platform Baharu Pusat Kesenian dan Warisan ke Arah Pendigitalan Audio




Pesona fm merupakan platform baharu Pusat Kesenian dan Warisan (PKW) dalam menglobalkan UniSZA bukan sahaja dalam bidang seni, budaya dan warisan, malah meliputi semua jaringan industri keusahawanan, teknologi, penyelidikan dan akademik.

Pesona fm telah mula beroperasi secara rasminya pada Disember 2020 setelah melepasi siaran percubaan selama dua bulan. Radio Internet tanpa frekuensi ini bersiaran selama 24 jam dengan pelbagai pengisian yang bermanfaat dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Berkonsepkan *edutainment*, siaran ini mempunyai enam slot iaitu Sejam Bersama Personaliti Radio, Pesona Cakna, Pesona Bahasa, Tahukah Anda, Kuiz dan Sketsa yang dikendalikan oleh penyampai radio yang terdiri daripada staf dan pelajar dari Kelab Media Seni yang bersiaran pada setiap hari Ahad hingga Khamis jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Segmen Sejam Bersama Personaliti Radio adalah antara yang menjadi pilihan pendengar. Setakat ini, radio Internet ini sudah mencapai purata pendengar seramai 250 orang setiap hari. Pendengar Pesona fm bukan sahaja dari Malaysia tetapi ada juga dari Singapura, Indonesia, Arab Saudi dan Jepun. Menurut Pengarah PKW, Prof. Madya Dr. Muhamad Fazil Ahmad, pencapaian ini telah memberi satu impak yang besar terhadap Pesona fm dan akan terus memberi yang terbaik dengan mempelbagaikan lagi segmen kreatif untuk dimanfaatkan oleh pendengar.

Personaliti radio Pesona fm yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar dilantik berdasarkan minat mereka dalam pengacaraan dan hebahan. Segmen Sejam Bersama Personaliti Radio turut disulami dengan lagu-lagu terbaharu, sepanjang zaman mahupun klasik. Cara untuk mengakses radio Internet ini adalah seperti berikut:

1. Dengarkan menerusi laman sesawang rasmi di www.pesonafm.com; atau
2. Dengarkan menerusi http://pesonafm.iradio.work ; atau
3. Muat turun aplikasi pesona fm unisza di *google play* bagi pengguna android; atau
4. Muat turun aplikasi *xiialive* bagi pengguna iphone dan buat pencarian pesona fm; atau
5. Scan kod qr di sebelah ini:

**JADUAL SIARAN RADIO PESONA FM (Setiap Ahad hingga Khamis, 9.00 pagi hingga 4.30 petang)**

| HARI / MASA | 0900 – 1000 | 1000 – 1100 | 1100 – 1200 | 1200 – 1300 | 1300 – 1430 | 1430 – 1530 | 1530 - 1630 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| AHAD | AURA PAGI (Eja) | HOBI KITA (Deng) | DARI LENSA SISWA (HEPA) | SEMBANG SENI (Anis) | AZAN, DOA DAN CERAMAH | SANTAI PETANG (Cik Anne) | LEGASI ILMU (Pensyarah) |
| ISNIN | AURA PAGI (Eja) | HOBI KITA (Deng) | DARI LENSA SISWA (HEPA) | GUANE GU (Anis) | | CERMIN (Medina KMS)) | LEGASI ILMU (Pensyarah) |
| SELASA | AURA PAGI (Medina KMS) | SELEKSI EMAS (Deng) | DARI LENSA SISWA (HEPA) | SEMBANG SENI (Anis) | | SANTAI PETANG (Cik Anne) | LEGASI ILMU (Pensyarah) |
| RABU | AURA PAGI (Medina KMS) | SELEKSI EMAS (Deng) | DARI LENSA SISWA (HEPA) | GUANE GU (Anis) | | SEMPOI (Medina KMS) | LEGASI ILMU (Pensyarah) |
| KHAMIS | AURA PAGI (Eja) | VIRAL (Deng) | DARI LENSA SISWA (HEPA) | TRENDING (Anis) | | BERSAMA DIANA AZMI (Diana Azmi) | LEGASI ILMU (Pensyarah) |

# tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa.















# UniSZA dan Avatcom International Sdn. Bhd.

## Meterai MoU, Bakal Mewujudkan Platform Digital Keusahawanan Seni





Selari dengan moto ‘Bakat Disemai, Warisan Terpelihara’, Pusat Kesenian dan Warisan (PKW) bakal mewujudkan Galeri Seni Digital melalui kerjasama dengan Avantcom International Sdn. Bhd. Terdahulu PKW telah mewujudkan satu galeri berbentuk fizikal iaitu Galeri Sanggar Seni yang mempamerkan beberapa khazanah seni dan warisan seperti koleksi Tanjak Songket, karya Persatuan Pelukis Terenggganu (PeTer), alat muzik Gamelan Melayu dan koleksi Pusat Kreativiti Lambo Sari. Tidak ketinggalan juga beberapa koleksi foto eksklusif hasil bidikan Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Sejajar dengan kehendak industri dalam era pendigitalan yang semakin rancak, usaha digiatkan lagi dengan mendigitalkan karya yang sedia ada sekali gus memberi peluang dan ruang kepada semua penggiat seni untuk menjana ekonomi melalui aktiviti pamer dan jual beli secara dalam talian. Semestinya pelaksanaan ini memerlukan pengurusan platform yang baik. Oleh itu, syarikat Avantcom International Sdn. Bhd telah dipilih sebagai rakan kerjasama dalam melaksanakan hasrat ini.

Avantcom International Sdn. Bhd merupakan sebuah syarikat E-Commerce dan Peruncitan dalam pemasaran produk halal bertaraf antarabangsa. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Avantcom International Sdn. Bhd, Puan Farhana Abdullah, pihaknya telah mencadangkan untuk memeterai satu perjanjian persefahaman (MoU) dengan UniSZA dalam bidang keusahawanan seni yang bukan sahaja melibatkan penganjuran bersama seperti seminar, bengkel dan kursus dalam kalangan staf dan pelajar malah ia turut melibatkan pertukaran dan perkongsian kepakaran teknikal serta konsultasi dalam bidang pemasaran dalam talian secara global.



Sehubungan itu, satu majlis menandatangani MoU antara UniSZA dan Avatcom International Sdn. Bhd telah diadakan pada 21 Mac lalu. Majlis ini cukup bermakna kerana turut disaksikan oleh Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, Dato’ Yahaya Ali; Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato’ Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohd Afandi Salleh; dan Pendaftar UniSZA, Ismail Musa.





# UniSZA-Kerajaan Negeri

## *Jalin Kerjasama Digitalkan Manuskrip dan Ulama Terengganu*



Delegasi UniSZA diketuai oleh Naib Canselor, diiringi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Alumni), Pendaftar, Bendahari, Pengarah Kampus Besut dan Penasihat Undang-Undang telah mengadakan kunjung hormat bersama Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar. Program telah diadakan pada 3 Mei ini bertempat di Kediaman Seri Iman.

YAB Menteri Besar telah mempengerusikan program tersebut yang turut dihadiri Exco Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Hj. Satiful Bahari Mamat, dan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu, Tengku Seri Bijaya Raja Dato' Tengku Farok Hussin Tg Abdul Jalil.

Program selama sejam itu telah membincangkan beberapa agenda yang dibawa oleh UniSZA. Perkara utama dibangkitkan adalah permohonan pihak UniSZA untuk pengurangan bayaran cukai tanah di kampus-kampus UniSZA iaitu di Kampus Gong Badak; Kampus Besut; Kampus Perubatan; dan Pusat Penyelidikan dan Kegiatan Pelajar di Tasik Kenyir.

UniSZA juga membuat permohonan untuk mendapatkan enam blok bangunan di Taman Ilmu untuk dijadikan asrama bagi menempatkan 950 orang pelajar yang sebahagian besarnya merupakan anak Terengganu.

UniSZA turut berkongsi mengenai penggunaan Balai Cerap UniSZA yang dibina oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi kegunaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan program komuniti.

Bagi tujuan kebajikan pelajar, UniSZA juga memohon kerjasama daripada pihak kerajaan negeri Terengganu untuk mempertimbangkan sumbangan dan dana bagi membiayai penganjuran program dan aktiviti pelajar.



Turut dibincangkan adalah berkaitan dengan kerjasama Projek Pendigitalan Manuskrip dan Ulama Terengganu. Kerjasama UniSZA dan kerajaan negeri Terengganu menerusi Exco Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi ini telah digerakkan melalui pembangunan aplikasi realiti maya dan aplikasi mobil. Projek ini juga melibatkan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Royal Terengganu Institute for Historical and Legal Studies dan Muzium Negeri Terengganu.

# Infaq Ramadan
## Berjaya Kumpul Lebih RM100 Ribu




Program '1 PTj 10 Infaq' merupakan program tahunan yang dijalankan oleh Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT) bertujuan membantu golongan asnaf yang memerlukan di sekitar Kuala Nerus, Kuala Terengganu dan Besut. Setiap sumbangan yang disalurkan merangkumi keperluan makanan harian seperti beras, minyak masak dan gula.

Pada tahun ini, PaKaT menjalin kerjasama dengan Persatuan Staf Akademik (PSA), Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (PENGEMUDI) dan Kesatuan Kumpulan Pelaksana (KKP).

Majlis perasmian program ini telah berlangsung pada 4 Mei oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan. Agihan sumbangan berlangsung selama dua hari iaitu pada 4 Mei di Kuala Nerus dan Kuala Terengganu dan pada 6 Mei di sekitar Besut.

Dana terkumpul dari PaKaT berjumlah RM24,047.70, PSA (RM121,484), PENGEMUDI (RM7,800) dan KKP (RM2030). Jumlah keseluruhan dana adalah sebanyak RM155,361.70 dan kesemua sumbangan telah disalurkan kepada 1,427 keluarga asnaf termasuk kakitangan kerja-kerja pembersihan di UniSZA.






# University For Society:
## Memperkasakan Komuniti Nelayan Setiu dan Kuala Terengganu Utara Menerusi Teknologi dan Eko-Pelancongan

Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT) UniSZA dengan kerjasama Universiti Awam Pantai Timur iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Pahang (UMP), dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menjayakan program ini pada 18-20 Mac di *IM4U Outreach Camp* Merang, Setiu. Program ini mempunyai pelbagai objektif antaranya untuk meningkatkan kemahiran komunikasi nelayan ketika menyantuni pelancong, kesedaran nelayan terhadap kepentingan pendidikan serta penghayatan amalan kerohanian dan kesedaran nelayan terhadap kualiti hidup. Aktiviti selama dua hari ini dijayakan oleh tiga orang penyelidik UniSZA iaitu Penyelaras Jaringan Masyarakat PaKaT yang juga pensyarah FKI, Encik Wan Ismail Wan Abdullah, Encik Ab Aziz Sulaiman dan pensyarah FBK, Dr. Ahmad Taufik Hidayah Abdullah.

Program komuniti ini turut melibatkan beberapa penyelidik dari Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) dalam mereka bentuk dan membangunkan prototaip bot mesra pelancong hasil pengubahsuaian bot nelayan sedia ada.

Perjumpaan kedua bagi tujuan yang sama turut diadakan melibatkan penyelidik PaKaT bersama UMT dan komuniti nelayan Kuala Terengganu Utara iaitu di pesisir pantai Mengabang Telipot pada 2 April. Objektif projek ini adalah untuk membantu nelayan Kuala Terengganu Utara meningkatkan pendapatan sampingan melalui aktiviti eko pelancongan di samping aktiviti perikanan yang sedia ada.

*University For Society* (U4S) Zon Timur ini telah mendapat peruntukan sejumlah RM150,000 daripada pihak KPT untuk menjayakan hasrat besar ini.







# Pharminar – Akademia – Industri – Komuniti: ‘Status Halal Ubat-Ubatan Di Malaysia’




Fakulti Farmasi UniSZA telah menganjurkan Pharminar – Akademia – Industri – Komuniti: ‘Status Halal Ubat-Ubatan di Malaysia’ pada 27 Mei secara dalam talian melalui aplikasi Cisco Webex.

Pharminar ini disertai oleh seramai 140 orang peserta dari kalangan staf UniSZA, guru dan pelajar sekolah, pegawai farmasi komuniti dan masyarakat setempat. Sesi ceramah disampaikan oleh pensyarah Jabatan Farmasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Madya Dr. Farahidah Mohamed.

Intipati utama ceramah ialah kandungan atau bahan tidak halal. Mengikut syariat, makanan yang halal dan haram bergantung kepada lima perkara iaitu haiwan yang dilarang, larangan menggunakan darah, cara penyembelihan yang halal dimakan, larangan menggunakan bangkai dan larangan menggunakan bahan yang memabukkan. Asas yang sama juga terpakai untuk ubat-ubatan.

Agensi bertanggungjawab berkaitan ubatan halal di Malaysia ialah Agensi Penguatkuasaan Farmaseutikal Negara (NPRA) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dua sumber rujukan yang diguna pakai sebagai panduan kawalan ubat halal atau halal farmaseutikal iaitu al-Quran dan hadis, as-sunnah dan ijma’ ulama, dan MS 2424:2012 - *Malaysian Standard (MS) on Halal Pharmaceuticals- General Guideline*.

Sebagai contoh, penggunaan alkohol dalam ubatan seperti penggunaan alkohol dalam ubat minum untuk merawat batuk. Bagi tujuan perubatan, e-Fatwa meletakkan ubat batuk tersebut boleh digunakan. Walau bagaimanapun, terdapat banyak pilihan ubat yang efektif di pasaran yang tidak mengandungi alkohol. Oleh itu, sebagai pengguna kita perlu bijak membuat pilihan.

Secara kesimpulannya, banyak maklumat dan pengetahuan baharu untuk para peserta program yang dapat dikongsikan oleh penceramah pada pharminar pada kali ini.












# Program FBIM Prihatin







Penularan wabak COVID-19 bukan sahaja telah mengubah cara kehidupan sosial individu, tetapi turut memberikan kesan kepada kehidupan bermasyarakat di seluruh dunia. Banyak sektor ekonomi menjadi lumpuh, menyebabkan ramai yang kehilangan pekerjaan. Akibatnya, ekonomi rumah tangga terjejas dan ramai yang hilang kemampuan untuk meneruskan kehidupan seharian. Menyedari hakikat tersebut, pihak Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah berhasrat untuk menghulurkan sedikit bantuan bagi meringankan beban pelajar-pelajar yang datang daripada keluarga yang terkesan.

Pelbagai program kebajikan telah dilaksanakan oleh pihak FBIM bagi menjayakan hasrat murni ini. Program tersebut ialah Projek Duit Raya, Dapur Jariah, Gerobok Jariah, Jualan Amal FBIM, Kongsi Rezeki, FBIM Food Bank dan program pengagihan juadah hari raya. Hampir RM20,000 hasil sumbangan staf fakulti dan orang ramai telah diperoleh bagi melaksanakan program-program tersebut. Hasil daripada survei yang dijalankan, seramai 100 orang pelajar FBIM daripada keluarga B40 telah dipilih untuk menerima bantuan duit raya. Mereka ini dipecahkan kepada dua kumpulan mengikut keutamaan iaitu satu kumpulan menerima duit raya bernilai RM100 manakala satu kumpulan lagi menerima RM50 seorang. Duit raya ini disumbangkan kepada para pelajar bagi membantu mereka membeli barang keperluan dapur bagi keluarga mereka di rumah.

Bagi program Dapur Jariah pula, seramai 100 orang pelajar daripada keluarga B40 yang menginap di asrama UniSZA Kampus Besut telah diberikan makanan tengahari secara percuma. Istimewanya '*lunch pack*' ini dimasak sendiri secara bergotong-royong oleh staf FBIM. Pelbagai menu telah disediakan seperti nasi ayam, nasi arab, nasi ayam rempah, nasi goreng dan lain-lain. Walau bagaimana pun, program ini hanya berjaya dilaksanakan sebanyak sepuluh kali pada bulan Februari hingga Mac dan terpaksa dihentikan setelah penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan Malaysia. Selain itu, Program Kongsi Rezeki turut berjaya diadakan pada bulan Ramadan tahun ini (5 Mei 2021). Bagi menjayakan program ini, FBIM sekali lagi telah mengadakan gotong-royong memasak juadah berbuka puasa untuk diedarkan kepada semua pelajar FBIM. Antara menu yang disediakan ialah bubur lambuk, nekbak dan jeruk mangga. Pada tahun ini juga, seramai 200 orang pelajar FBIM telah membuat keputusan untuk tidak pulang ke rumah dan meraikan Syawal di kampus bagi memastikan mereka dapat menjalani aktiviti pembelajaran dengan sempurna. Oleh yang demikian, pihak FBIM telah mengambil inisiatif untuk menyediakan juadah hari raya seperti nasi minyak ayam merak, sate, pulut kuning, rendang rusa, ketupat, brownies dan lain-lain lagi bagi mengubati kesedihan mereka yang tidak pulang ke kampung.

Pihak FBIM turut mewujudkan Gerobok Jariah bermula pada Februari 2021 bagi membantu pelajar yang kurang berkemampuan. Gerobok Jariah ini dijangkakan akan terus beroperasi di Blok F6. Selain itu, FBIM UniSZA Kampus Besut turut memberikan sumbangan barbentuk *pre-love* seperti pakaian, kasut, beg, alat tulis dan makanan kering untuk diambil secara percuma oleh para pelajar. Sambutan yang diberikan adalah amat menggalakkan dan memberi manfaat kepada ramai pelajar di UniSZA Kampus Besut.

Arahan pelaksanaan PKPD di Besut turut merencatkan aktiviti penjualan jagung yang ditanam oleh para pelajar FBIM. Oleh yang demikian, pihak FBIM telah mengambil inisiatif untuk melancarkan Program Jualan Amal pada 14 Jun.





Staf FBIM boleh membeli jagung untuk dimasak dan disedekahkan kepada para pelajar yang masih berada di asrama. Hasilnya, 183 orang pelajar mendapat manfaat. Jagung-jagung ini direbus dan dijadikan bubur oleh JK HEPA FBIM, seterusnya diedarkan kepada para pelajar. Aktiviti ini dijalankan bersekali dengan Program FBIM Food Bank.

Pihak FBIM berharap program kebajikan seperti ini mampu memberikan sedikit kelegaan kepada para pelajar FBIM dalam menjalani kehidupan harian semasa bergelar pelajar di UniSZA.

# Pelajar Istimewa UniSZA Gembira Terima Kerusi Roda Eletrik Untuk Latihan Industri

Pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) UniSZA, Normelisa Mohd Yadi, menerima bantuan Kerusi Roda Elektrik bagi memudahkan pergerakan bagi menjalani latihan industri. Normelisa merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (Dengan Kepujian) dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah menjalani latihan industri di *Arabic Language and Consultancy*, Kota Bharu bermula 3 Julai lalu.

Kerusi roda baharu itu adalah sumbangan Pejabat Wakaf dan Infaq UniSZA yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr. Mohd Afandi Salleh di Pejabat TNC HEPA kepada Normelisa sambil ditemani bapanya, Mohd Yadi pada 7 Julai. Normelisa menjelaskan bahawa kerusi roda elektrik tersebut sangat diperlukan bagi memudahkan pergerakannya untuk menjalani latihan industri tanpa perlu bergantung kepada bantuan orang lain. Beliau turut menyatakan bahawa sepanjang berada di UniSZA, beliau tidak mengalami masalah kerana telah disediakan pembantu pelajar (rakan siswa) untuk membantu memudahkan pergerakannya menghadiri kuliah serta menjalani kehidupan di kampus. Namun, bagi latihan industri yang dijalankan, beliau perlu berdikari kerana tiada rakan siswa yang bersamanya. Justeru, dengan bantuan kerusi roda eletrik tersebut, ia memudahkan pergerakannya secara sendirian. Normelisa turut meluahkan perasaan gembira dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan UniSZA kerana sentiasa mengambil berat tentang kebajikan pelajar OKU di UniSZA.



# PUSAT ALUMNI
## MENYANTUNI KOMUNITI B40

Pusat Alumni UniSZA (ACe UniSZA) bersama rakan industri strategik Al-Ikhsan Sports menganjurkan Program Infak Ramadan Alumni - Al-Ikhsan Sports pada 23 April. Program ini diketuai oleh Pengarah ACe UniSZA, Prof. Dr. Wan Norhayate Wan Daud dan Al-Ikhsan Sports yang diwakili oleh Eksekutif Hal Ehwal Korporat, Encik Muhammad Alif Ismail. Beliau juga merupakan alumni UniSZA.

Komuniti B40 terdiri daripada warga emas dari Kampung Mengabang Telung, Kuala Nerus Terengganu telah dipilih untuk menerima agihan infak. Mereka menerima sebakul makanan dan wang tunai. Program ini berakhir dengan penyampaian Tapau al-Iftar kepada 30 orang pelajar UniSZA. Mereka ini juga merupakan sasaran kedua bagi program ini.

Selain daripada program bersama rakan industri, Pusat Alumni UniSZA juga telah bekerjasama dengan Puspanita Negeri Terengganu Cawangan Marang untuk menyumbang duit raya kepada 50 orang pelajar B40 sempena Hari Raya Aidilfitri pada 6 Mei. Majlis agihan duit raya ini dilakukan di Sekolah Kebangsaan Tok Jembal, Kuala Nerus.

Program ini turut dihadiri oleh Pengarah Alumni UniSZA, Prof. Dr. Wan Norhayate Wan Daud dan Pengerusi Puspanita Terengganu Cawangan Marang, Hajjah Ariza Ibrahim.









# 405 HASIL KARYA PANTUN
## TIGA NEGARA BERJAYA DIKUMPUL




Sebanyak 260 penyertaan dengan 405 hasil karya dari tiga negara serantau, Malaysia, Indonesia dan Singapura telah dihantar menyertai program dalam talian bertajuk Kompilasi Pantun Harta Intelek: Warisan 3 Serumpun anjuran Kelab Citra Puisi (KeRiSZ) UniSZA.

Program ini bertujuan menghimpunkan karya-karya pantun nasihat dan ilmu pengetahuan hasil penulisan sepenuhnya peserta-peserta program berdasarkan tema yang telah ditetapkan. Antara temanya ialah adab, kekeluargaan, peribahasa, diplomatik serantau dan budaya serumpun. Karya-karya ini akan dibukukan secara digital selepas disunting oleh tenaga pakar dan berkemahiran.

Buku digital bertajuk *Kompilasi Pantun Harta Intelek: Warisan 3 Serumpun* terbitan KeRiSZ UniSZA ini membawakan agenda untuk memartabatkan seni penulisan pantun sekali gus membawa karya-karya ini untuk pembacaan generasi masa hadapan.

Program ini juga memfokuskan untuk mengukuh dan meningkatkan lagi kemahiran ilmu dalam berbahasa di samping mengasah bakat-bakat baharu dalam dunia seni puisi terutamanya dalam seni pantun.

Program ini telah diadakan bermula 1-15 Mac dengan kerjasama dari Pusat Kesenian dan Warisan UniSZA, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kelab Pengajian Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kelab Bahasa dan Persuratan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kelab Cenderawasih Universiti Putra Malaysia (UPM), Persatuan Persuratan Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Ikatan Keluarga Sastera Indonesia, Universitas Muhammadiyah Jakarta, Persatuan Bahasa Melayu Universiti Kebangsaan Singapura (PBMUKS) dan Pantunism Singapura.






# ADMISSION OF NEW GRADUATE STUDENTS SPONSORED BY THE WEST NUSA TENGGARA EDUCATION BOARD (LPPNTB), INDONESIA TO UniSZA



A total of 29 new students sponsored by the West Nusa Tenggara Education Development Board (LPPNTB) have started their studies at UniSZA. These students are fully sponsored with a scholarship from the government of West Nusa Tenggara, Indonesia allowing them to continue their studies at the postgraduate level for Master's programmes.

Of the 29 students registered, 20 are studying at the Faculty of Islamic Contemporary Studies, six at the Faculty of Languages and Communication, one at the Faculty of Law and International Relations, one at the Faculty of Business and Management and one at the Faculty of Pharmacy. All together, the West Nusa Tenggara government sponsored 74 students this year in Malaysia. Nearly half of them chose UniSZA making us the #1 choice among LPPNTB scholarship recipients for higher education in Malaysia.

The arrival of students from West Nusa Tenggara, Indonesia to UniSZA took place in several stages in order to follow strict health protocols and procedures from the Malaysian Ministry of Health. In the first phase, a total of 22 students registered on 13 April 2021. In the second phase, 2 students registered on 6 May 2021, while the remaining 5 students registered on 21 June 2021. The registration process went smoothly as there was good cooperation and collaboration between the International Centre, HEPA, the Center for Graduate Studies, and the UniSZA Health Centre.





Several programmes have been arranged for the LPPNTB scholars at UniSZA. For the first group to arrive, after registration in April there was an orientation programme throughout the campus and a city tour to Kuala Terengganu where they visited Kuala Terengganu City Centre and the newly opened drawbridge. The following day a meet and greet session was held between the management of UniSZA and the new students from West Nusa Tenggara. The session was led by Deputy Vice Chancellor for Student and Alumni Affairs, Professor Dr. Mohd Afandi Salleh. He was accompanied by deans from several faculties, staff from the Graduate School, the Residential College, the Student Health Centre, the Library, the Center for Corporate Communications and Relations Management as well as the director of the International Center. Representatives from the UniSZA Graduate Students Association were also present to give a briefing.

Once the students had settled in to their studies, a further dialogue session was held 20 June 2021, with the Graduate School. This discussion was led by the Dean, Prof. Dr. Ahmad Puad Mat Som, the Deputy Dean of Academic, Associate Prof. Dr. Mazuri Abd. Ghani, Deputy Dean of Student Affairs, Dr. Mohammed Muneer'deen Olodo Al-Shafi'i, and Graduate School Coordinator, Dr. Ahmad Syibli Othman. Also present at the session were the Director and Deputy Director of the International Center. The session discussed the progress of students' studies at UniSZA, listening to their problems in terms of academics, welfare and other matters related to their studies. The students were given ample time and wide opportunity to express all their problems, and to find solutions for the progress of their studies. Some follow up actions were subsequently taken by the Graduate School and the International Centre to address the matters raised during the dialogue session.

This combination of programmes organised by the university will be a good start for the imminent success of the students from West Nusa Tenggara at UniSZA. It is hoped that this effort will be a catalyst for greater cooperation in the future, not only with the Indonesian government but with other scholarship bodies as well. As evidence of this, on June 24, an online session with 15 new applicants who are the latest recipients of LPPNTB scholarships was held to fast-track their applications and answer any questions the students may have had. Once again this session involved both the International Centre and the Graduate School at UniSZA. These efforts are an important part of the process of working to make UniSZA a popular choice of students from around the world.







# FBIM Online Global Classroom




Two Global Online Classroom sessions were successfully conducted by the Faculty of Bioresources and Food Industry (FBIM) last April. The programmes, conducted using the Webex application, saw FBIM students attend virtually. The objective of this programme was to provide exposure to the students on agricultural industry scenarios and food technologies that are practiced around the world.

The first session was organised by the School of Agriculture Science and Biotechnology on 16th April with the invited panellist, Mr. Timur Raskaliyev. He is a lecturer in the Department of Economics, S. Seifullin Kazakh Agrotechnical University, Kazakhstan. In this session, Mr. Timur shared his experience and knowledge on Food Supply Chain: Prospects and Challenges in Kazakhstan. Mr. Timur also shared current information related to the agricultural industry and food technology, especially on the steps taken by the government of Kazakhstan to ensure the country's food security in the current pandemic situation.

The second session was organised by the School of Food Industry with Assistant Professor Dr. Somchai Jomduang as the invited panellist. He is a lecturer at the Faculty of Agro-Industry, Chiang Mai University, Thailand with extensive experience in the field of food processing and food product development. This session was conducted over three days, starting on April 19th to April 22nd, 2021. With more than 10 years of experience with the private industry in Thailand, Dr. Somchai shared tips to create jobs in the food industry, especially in this current pandemic. The tips given by Dr. Somchai are hopefully useful to students, especially final year students to prepare themselves for future employment.



# **Indonesian Embassy Official** Visit to UniSZA





A delegation from the Indonesian Embassy in Kuala Lumpur visited UniSZA on Tuesday, 27th April. The entourage was led by Dr. Mokhammad Farid Maruf, Education & Culture Attaché of the Indonesian Embassy-Kuala Lumpur. He was accompanied by four of his staff.

The arrival of the representatives from the Indonesian Embassy was welcomed by the Vice Chancellor of UniSZA, Professor Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan along with Mr. Cornelius Anuar Abdullah McAfee, Director of the International Centre (IC). After a brief meet and greet session at the Vice Chancellor's office, the guests were accompanied by Mr. Anuar for a visit to the International Centre. There, a briefing was held introducing UniSZA which included background information regarding international students at UniSZA. This was followed by a library tour to see the facilities UniSZA provides for students. Dr. Mokhammad Farid Maruf then met with the Nusa Tenggara Barat (NTB) scholarship students studying at UniSZA together with the other Indonesian students. They discussed issues related to their studies and their welfare. The embassy encouraged the students to become active while here in Malaysia and offered support for any activities they wished to organise. The visit ended with an *Iftar* event with embassy staff, Indonesian international students, IC staff together with the Deputy Vice Chancellor of International and Academic, Prof. Dr. Kamarul Shukri bin Mat Teh.

The visit reflects the good relationship maintained between the Embassy of Indonesia in Kuala Lumpur and UniSZA. This good rapport and bond will remain a catalyst for further cooperation, especially in the area of education. At the same time, the university will continue to strengthen its cooperation with Nusa Tenggara Barat and its scholarship body to increase the number of scholarship recipients studying with us. In addition to providing avenues for mutual understanding between the two countries, this cooperation places UniSZA on the international map as we continue to expand our intake of international students from all over the world

# Program ICAFT 2021
## Berjaya Dilaksana Dalam Talian








*'International Conference on Agriculture, Animal Sciences and Food Technology'* (ICAFT) 2021 telah berlangsung dengan jayanya pada 2 dan 3 Mac. Berikutan pandemik COVID-19, persidangan antarabangsa anjuran Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) UniSZA ini telah diadakan sepenuhnya secara dalam talian, melibatkan 88 peserta pembentangan oral dan 52 poster.

Bertemakan "*Agricultural innovation for Prosperity and Food Security*", ICAFT pada kali ke-2 ini menampilkan empat orang pengucaptama dari luar negara dan enam pembentang utama sidang yang pakar dalam bidang masing-masing. Menurut pengarahnya, Prof. Madya Dr. Nalini Arumugam, ICAFT 2021 ini sangat istimewa kerana perancangannya memakan masa lebih satu tahun. "Pada asalnya, ICAFT kali ke-2 ini dirancang untuk diadakan pada 10-11 Ogos 2020 secara bersemuka. Walau bagaimanapun disebabkan oleh penularan COVID-19, pelaksanaannya terpaksa ditangguh ke bulan Mac tahun ini. Permulaannya, program ini telah dimuktamad untuk diadakan secara bersemuka sepenuhnya, kemudian ia beralih kepada hibrid, namun akhirnya menjadi sepenuhnya dalam talian".

Barisan jawatankuasa pelaksana ICAFT 2021 telah berkampung selama dua hari di Studio Abu Dzar, UniSZA Kampus Gong Badak bagi memastikan kelancaran perjalanan persidangan ini, dengan kerjasama teknikal daripada Pusat Pengurusan Infrastruktur dan Rangkaian (PPIR) UniSZA. Segala prosedur operasi standard (SOP) perkumpulan dipatuhi sepenuhnya melalui pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan sanitasi berkala sepanjang dua hari tersebut. Perasmian ICAFT 2021 oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniSZA, Prof. Dr. Fadzli Adam, telah dipancarkan secara langsung di laman media sosial FBIM, begitu juga majlis penutupnya yang telah menobatkan sepuluh orang pembentang oral terbaik mengikut sesi pembentangan dan sepuluh orang pembentang poster.

Hasil tinjauan maklum balas berkenaan pelaksanaan ICAFT 2021 mendapati rata-rata peserta sangat berpuas hati dengan proses pendaftaran, perjalanan program dan pengisian persidangan. Pihak penganjur juga dapat menimba pengalaman berharga dalam mengendalikan persidangan secara dalam talian buat pertama kali. ICAFT kali ke-3 yang bakal dianjurkan pada tahun 2023 mungkin dapat berlangsung secara hibrid, dengan harapan pandemik COVID-19 ini akan berakhir tidak lama lagi.

# UniSZA Academic Staff
## to take up Diplomatic Posts in Jordan and the UK

Internationalisation is an important aspect of higher education. Institutions and ranking agencies often site statistics such as international student enrollment, international mobility and international research as indicators of success. However there are many other ways in which a university can showcase its abilities internationally. One such way is through the recognition of its staff on the world stage, and UniSZA has done just that.

Two academic staff from UniSZA were recently chosen to represent Malaysia internationally by being offered diplomatic posts overseas. This comes after a stringent application process where hundreds of applicants from all over the country competed for the highly coveted posts in Education Malaysia offices throughout the world.

Associate Professor Radzuwan Ab. Rashid from the Faculty of Languages and Communication will take up his new post as Director of Education Malaysia Jordan. This two year post will see Associate Professor Radzuwan based at the Malaysian Embassy in Jordan where he will serve the Ministry of Higher Education in order to promote Malaysia as a study destination, manage Malaysian students in Jordan, and expand upon Malaysia's network in the region to attract more research grants for the country.

Alia Nabila Alias from the Centre of Foundation Studies will also be joining Education Malaysia by taking up her post as Education Attaché at the High Commission of Malaysia in the United Kingdom. This two year posting involves not only promoting Malaysian higher education institutions, but also to disseminate information about educational opportunities available for Malaysian universities in the UK and European Union. By strengthening bilateral relations between agencies in Malaysia the UK and the EU in the field of higher education, Alia Nabila will be expanding upon her internationalisation experience gained by serving the International Centre, UniSZA over the past five years.

UniSZA is proud of our two staff who are considered to be among the very best, chosen to represent Malaysia in Jordan and the United Kingdom. Their international experience gained at UniSZA will serve them well in their new positions in the international arena. They will make not only UniSZA, but also the nation proud.








**PEMASARAN POLITIK BERTERASKAN ISLAM KERAJAAN PERPADUAN, BPMS, KERJASAMA POLITIK DAN MUAFAKAT NASIONAL**

**PENULIS:** Mohd Syakir Mohd Rosdi, Khairul Azlee Mohd Yunus, Khaidir Bachok, Wafdi Auni Mohamed, Habibah Ilias
**ISBN:** 978-967-2231-85-1
**HARGA:** RM37.00

Perbincangan dalam buku ini menumpukan kepada pemasaran politik berteraskan Islam. Pemasaran politik merupakan satu cabang atau disiplin ilmu sosial yang bersifat *interdisciplinary.* Konsep pemasaran politik ini penting difahami sebagai kaedah pemasaran dalam bidang ilmu politik yang menekankan amalan pendekatan dan taktik pemasaran untuk membantu calon dan parti politik agar lebih berdaya saing dan proaktif serta efektif bagi meningkatkan komunikasi dua hala antara pihak kerajaan dengan masyarakat. Buku ini menghasilkan kerangka konsep pemasaran politik berteraskan Islam. Konsep ini penting difahami agar pembaca lebih jelas akan pergerakan politik kepartian secara Islam yang juga menggunakan pemasaran politiknya secara Islam.

Untuk memahami pemasaran politik berteraskan Islam secara lebih praktikal, buku ini mengetengahkan konsep kerajaan perpaduan, budaya politik matang dan sejahtera, kerjasama politik dan muafakat nasional yang menjadi perhatian pada hari ini agar boleh dinilai oleh para pembaca. Politik kepartian biasanya memerlukan sokongan daripada pelbagai cara dan pendekatan. Antara perkara yang ditekankan dalam pemasaran politik ialah imej, persepsi, perilaku politik, komunikasi berkesan dan publisiti yang dapat membantu memperoleh sokongan politik.

Sasaran pembaca buku ini tertumpu kepada semua lapisan masyarakat yang ingin mendalami bidang sains politik, politik Islam, pembangunan ekonomi, pembangunan politik, ekonomi politik, dan ekonomi politik Islam. Ia boleh dijadikan sebagai bacaan umum kerana persembahan buku ini dipermudahkan bahasanya agar ia boleh difahami oleh semua lapisan masyarakat sama ada anak muda, orang dewasa, warga emas, ilmuwan agama, pengamal politik, pemimpin politik atau ahli akademik.




**PENGURUSAN FATWA DI MALAYSIA**

**PENULIS:** Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin
**ISBN:** 978-967-2231-67-7
**HARGA:** RM25.00

Fatwa merupakan satu mekanisme utama kepada masyarakat untuk mendapatkan penjelasan yang berautoriti terhadap sesuatu permasalahan hukum. Malaysia mempunyai sebuah institusi fatwa yang sangat unik. Ini kerana Malaysia mempunyai kepelbagaian mufti yang mewakili setiap negeri. Oleh yang demikian, pengurusan fatwa di Malaysia mempunyai perbezaan yang memberikan kesan positif dan negatif. Bagi menjelaskan pengurusan fatwa di Malaysia, buku ini membicarakan tentang beberapa perkara utama termasuk konsep fatwa dalam Islam, pengenalan fatwa serta kedudukan mufti dan jawatankuasa fatwa di Malaysia. Selain itu, turut dibincangkan peranan raja atau sultan dalam proses penfatwaan selain dijelaskan fungsi MKI di peringkat kebangsaan.

Buku ini turut mengandungi perbincangan berkaitan konflik dan penyelarasan fatwa di Malaysia yang menjadi isu hangat bagi fatwa di Malaysia. Usaha-usaha institusi fatwa di Malaysia untuk menyebarkan dan mendidik masyarakat dengan fatwa turut dimuatkan dalam perbincangan ini. Perbincangan dalam buku ini diakhiri dengan penjelasan tentang tatacara dan prosedur pengeluaran fatwa di Malaysia. Buku ini sangat sesuai untuk dijadikan rujukan utama dalam proses PdP di Universiti selain menjadi rujukan utama berkaitan isu-isu kefatwaan di Malaysia.




## APPLICATION OF INTERGRATION MODEL IN RECOVERY PLANS

**PENULIS:** **Puspa Liza Ghazali, Mustafa Mamat, Nurul Zawani Baharazi**
**EISBN:** **978-967-2231-33-2**
**HARGA:** **RM10.00**

This book is designed to provide information in Integration Model and how it apply in life premium tables of family takaful. By using the Integration Model concept and methods, the construction of new recovery plans of education plan takaful. This book is based on the research grant (RACE Grant) with the titled "Recovery Model of Education Plan Takaful". The grant research also had been awarded the 2017 Best Research Grant for Social Science Category in Universiti Sultan Zainal Abidin. This book could be useful to researchers, lecturers, and students of colleges and universities.




## FIQAH KEKELUARGAAN ISLAM: ISU TERPILIH

**PENULIS:** **Normadiah Daud, Syh Noorul Madihah Syed Husin, Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda**
**ISBN:** **978-967-2231-87-5**
**HARGA:** **RM33.00**

Perkahwinan dan kekeluargaan merupakan satu ikatan yang murni dalam menghalalkan hubungan antara lelaki dengan perempuan. Sebagai satu ikatan yang diiktiraf oleh syarak, Islam meraikan hubungan antara pasangan dengan menganjurkan asas pembinaan keluarga Islam, tuntutan, hak, kewajipan dan lain-lain. Satu unit keluarga, tiga pihak utama perlu memainkan peranan masing-masing iaitu suami, isteri dan anak. Sekiranya ketiga-tiga pihak ini memainkan peranan masing-masing dengan baik, sesebuah rumah tangga akan menjadi lebih aman dan harmoni. Buku ini menampilkan dua pihak sahaja iaitu isteri dan anak sebagai fokus perbahasan secara akademik dan dizahirkan dalam bentuk tulisan yang ringkas dan mudah difahami. Terdapat lapan bab yang telah ditampilkan oleh para penulis yang berpengalaman dan pakar dalam bidang masing-masing. Bab-bab tersebut ialah Asas Pembentukan Keluarga Islam; Kedudukan Isteri dalam Sistem Kekeluargaan Islam; Hak Isteri Terhadap Fasakh Menghilangkan Kemudaratan dalam Perkahwinan; Amalan Beridah dalam Kalangan Isteri yang Kematian Suami dari Perspektif Syarak; Rawatan Kesuburan untuk Mendapatkan Zuriat; Sambutan Kelahiran Anak dari Perspektif Islam dan Adatnya dalam Masyarakat Melayu; Susu Ibu Anugerah Terindah Buat Seorang Anak; serta Hukum dan Kebajikan Anak Terbuang (Laqith). Secara keseluruhannya, lapan bab yang dimuatkan dalam buku ini sangat lengkap merangkumi semua isu yang berkaitan kitaran hidup seorang isteri dan anak dalam melayari kehidupan berumah tangga. Buku ini amat sesuai menjadi sumber rujukan dan panduan kepada pasangan suami isteri dalam melayari kehidupan berumah tangga.